BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Tinjauan Kestabilan Kewangan

Separuh Kedua

2025



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Prakata

Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Kedua Tahun 2025 memberikan penilaian Bank Negara Malaysia mengenai risiko semasa dan potensi risiko terhadap kestabilan kewangan dan daya tahan sistem kewangan Malaysia yang berperanan penting sebagai pengantara kewangan dalam ekonomi. Tinjauan Kestabilan Kewangan ini turut melaporkan pelbagai langkah yang telah dilaksanakan untuk menguruskan risiko kepada kestabilan kewangan.

Tinjauan Kestabilan Kewangan ini diterbitkan dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang isu-isu dan perkembangan yang mempengaruhi kestabilan kewangan di negara ini.

Semua analisis dalam dokumen ini menggunakan data sehingga 31 Disember 2025 atau dinyatakan sebaliknya.

Kandungan

Sorotan Penting

Tinjauan Keseluruhan

Perkembangan Penting pada Separuh Kedua Tahun 2025

Risiko Pasaran 9
Risiko Kredit 13
Risiko Operasi 22

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

Sektor Perbankan 27
Sektor Insurans dan Takaful 34
Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan 37

Tambahan

Sorotan Penting
Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Kedua Tahun 2025

Pasaran kewangan domestik kekal teratur berikutan tahap volatiliti pasaran global yang lebih rendah

Tekanan pasaran mereda berikutan jangkaan yang stabil terhadap hala tuju dasar monetari AS serta kejelasan awal mengenai dasar perdagangan AS

Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)
Tahap tekanan, % (Minimum=0, Maksimum=100)



Keadaan pasaran domestik yang teratur terus disokong oleh beberapa faktor utama

- Permodalan sektor perbankan yang kukuh
- Pasaran kewangan yang mendalam dan mudah cair
- Kumpulan pelabur yang pelbagai
- Asas ekonomi dan pembaharuan struktur dalam negeri yang kukuh

Melangkah ke hadapan….

Ketidakpastian berhubung dengan konflik geopolitik serta dasar perdagangan dan monetari AS boleh meningkatkan volatiliti pasaran global

Permodalan institusi kewangan terus kukuh dengan penampan yang teguh, lantas memastikan pengantaraan kewangan tidak terganggu

Bank-bank mengekalkan penampan modal dan mudah tunai yang kukuh melebihi paras minimum pengawalseliaan

Bank-bank

Nisbah Jumlah Modal *(Jun 2025: 18.2%)*	**18.1%**
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai *(Jun 2025: 160.5%)*	**154.8%**
Nisbah Pendanaan Stabil Bersih *(Jun 2025: 115.7%)*	**115.7%**

Penanggung insurans dan pengendali takaful terus mengekalkan penampan yang kukuh

Insurans

RM43.8 bilion	**Lebihan Penampan Modal** *(Jun 2025: RM41.8 bilion)*
225%	**Nisbah Kecukupan Modal** *(Jun 2025: 223%)*

Sektor perbankan kekal berhemat dalam mengurus risiko kredit dan terus mencatatkan keuntungan yang kukuh

Bank-bank mengekalkan tahap pinjaman terjejas yang rendah dan peruntukan yang berhemat…

…dan pada masa yang terus menjana perolehan yang menggalakkan

Bank-bank

Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar *(Jun 2025: 1.4%)*	**1.4%**
13.1%	**Pulangan atas Ekuiti** *(Jun 2025: 13.8%)*
Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman *(Jun 2025: 130.4%)*	**127.2%**
RM26.2 billion	**Keuntungan Sebelum Cukai** *(Jun 2025: RM28.6 bilion)*

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg, Reuters dan S&P Capital IQ

Keupayaan perniagaan dan isi rumah untuk membayar balik hutang kekal kukuh

Kedudukan kewangan isi rumah kekal kukuh, disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan

Isi Rumah

1.3x
Median Nisbah Hutang kepada Pendapatan
(Jun 2025: 1.4x)

33%
Median Nisbah Khidmat Hutang bagi Pinjaman Terkumpul
(Jun 2025: 33%)

2.1x
Nisbah Aset Kewangan kepada Hutang
(Jun 2025: 2.1x)

1.0%
Nisbah Pinjaman Terjejas Isi Rumah
(Jun 2025: 1.1%)

Perniagaan berdaya tahan dalam keadaan tekanan kos yang tinggi

Perniagaan[1]

6.4x
Nisbah Perlindungan Faedah
(Jun 2025: 6.4x)

23.7%
Bahagian Syarikat yang Berisiko[2]
(Jun 2025: 25.9%)

7.5%
Median Margin Operasi
(Jun 2025: 7.4%)

2.8%
Nisbah Pinjaman Terjejas Perniagaan
(Jun 2025: 3.1%)

Keputusan ujian tekanan mengesahkan daya tahan institusi kewangan untuk menghadapi kejutan yang teruk dan menyokong pemulihan ekonomi

Dua Senario Buruk (SB) yang lebih teruk daripada Krisis Kewangan Global Tahun 2008 dan pandemik pada tahun 2020 digunakan untuk menilai daya tahan institusi kewangan

- **SB1** Penguncupan KDNK yang teruk disusuli pemulihan ekonomi yang pantas
- **SB2** Penguncupan KDNK yang lebih sederhana tetapi berpanjangan disusuli pemulihan ekonomi yang perlahan

Risiko kredit dan risiko pasaran kekal menjadi pendorong utama kerugian, masing-masing bagi sistem perbankan dan insurans. Namun, nisbah modal selepas kejutan[3] secara agregat kekal melebihi paras minimum pengawalseliaan

Sistem Perbankan di bawah Senario Buruk 2 (SB2)[4] (2026*u*–2028*u*)



Sistem Insurans di bawah Senario Buruk 1 (SB1)[4] (2026*u*–2028*u*)



u Unjuran

[1] Semua penunjuk dalam bahagian ini adalah berdasarkan pelaporan syarikat tersenarai di Malaysia, kecuali penunjuk nisbah pinjaman terjejas perniagaan.

[2] Syarikat yang berisiko merujuk kepada syarikat yang mempunyai nisbah perlindungan faedah di bawah paras ambang kehematan, iaitu sebanyak dua kali.

[3] Merujuk agregat nisbah modal selepas kejutan yang terendah sepanjang tempoh 3 tahun ujian tekanan.

[4] Bank-bank menanggung kerugian yang lebih tinggi di bawah SB2, manakala penanggung insurans mengalami kerugian yang lebih tinggi di bawah SB1.

[5] Risiko pasaran merujuk kepada kerugian penilaian semula daripada pemegangan bon dalam portfolio fair nilai saksama melalui pendapatan komprehensif (*fair value through other comprehensive income*, FVOCI) dan kerugian risiko pasaran daripada nilai saksama melalui untung atau rugi (*fair value through profit or loss*, FVTPL).

[6] Senario tekanan bagi penanggung insurans hayat merangkumi andaian terkini insurans berikutan perkembangan produk MHIT baru-baru ini.

[7] Risiko kredit bagi penanggung insurans merujuk kerugian daripada kemungkiran insurans semula.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Tinjauan Keseluruhan

Tinjauan Keseluruhan

Volatiliti dalam pasaran kewangan global menurun antara bulan Oktober 2025 dan Januari 2026 berikutan jangkaan terhadap dasar monetari dan perdagangan AS yang telah menjadi lebih stabil. Perkembangan ini, bersama-sama dengan pelaksanaan pembaharuan struktur dalam negeri yang berterusan serta keadaan dolar AS yang semakin lemah, telah menyumbang kepada pengukuhan ringgit. Berlatarkan persekitaran ini, tekanan terhadap pasaran dalam negeri telah berkurang di samping Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index, FMSI) mencatatkan penurunan secara keseluruhan sepanjang tempoh berkenaan. Kenaikan sementara FMSI pada hujung bulan Januari mencerminkan terutamanya prestasi ringgit yang lebih kukuh serta keuntungan dalam pasaran ekuiti. Melangkah ke hadapan, konflik di Timur Tengah baru-baru ini serta ketegangan perdagangan yang berlanjutan mungkin akan mengganggu rantaian bekalan, meningkatkan tekanan terhadap harga dan menjejaskan pertumbuhan global, lantas merumitkan prospek dasar monetari dalam ekonomi utama. Berikutan ketidakpastian global ini, perubahan terhadap jangkaan hala tuju dasar monetari AS juga mungkin mendorong volatiliti pasaran secara berkala serta meningkatkan penghindaran risiko. Hal ini boleh menyebabkan risiko aktiviti pasaran kewangan dalam negeri menjadi perlahan. Walau bagaimanapun, sentimen pasaran dalam negeri dijangka akan terus disokong oleh asas ekonomi Malaysia yang kukuh, kredibiliti dasar serta usaha pembaharuan struktur yang terus dilaksanakan. Di samping itu, sektor perbankan yang mempunyai permodalan kukuh, pasaran kewangan yang mendalam serta asas pelabur yang pelbagai akan terus menyokong fungsi pasaran yang teratur dan berdaya tahan.

Pada separuh kedua tahun 2025, aktiviti perniagaan kekal disokong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan dalam keadaan persekitaran luaran yang mencabar. Walaupun tekanan kos masih berterusan pada tempoh tersebut, sebahagiannya dapat diimbangi oleh kos input import yang lebih rendah serta ringgit yang lebih kukuh, bersama-sama dengan usaha pengawalan kos oleh syarikat-syarikat. Walau bagaimanapun, kesan tekanan kos ini tidak seimbang. Syarikat yang lebih besar secara amnya mencatatkan peningkatan dalam margin operasi berikutan skala operasi yang lebih besar, serta mempunyai keupayaan yang lebih baik untuk melakukan rundingan. Sebaliknya, syarikat yang lebih kecil menghadapi margin yang lebih kecil. Namun begitu, keuntungan perniagaan dan keupayaan membayar balik hutang secara keseluruhannya kekal tidak berubah, dengan median margin operasi meningkat sedikit kepada 7.5% dan nisbah perlindungan faedah kekal stabil pada 6.4 kali. Selaras dengan peningkatan ini, kualiti kredit peminjaman perniagaan secara keseluruhan juga bertambah baik, seperti yang dicerminkan oleh penurunan dalam bahagian pinjaman terjejas dan pinjaman dengan peningkatan risiko kredit (pinjaman Tahap 2). Dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), tekanan terhadap bayaran balik pinjaman kekal tertumpu pada sebahagian kecil peminjam yang menghadapi cabaran struktur yang telah lama wujud, manakala sebahagian besar PKS terus menyesuaikan operasi dengan keadaan perniagaan semasa dan memenuhi obligasi hutang mereka. Penggunaan dalam negeri yang berdaya tahan, pelaburan yang mampan, aktiviti pelancongan yang stabil serta permintaan luar negeri yang berterusan untuk barangan elektrik dan elektronik (E&E) dijangka akan terus menyokong perniagaan dalam mengharungi persekitaran operasi yang mencabar pada masa hadapan.

Daya tahan isi rumah kekal disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif. Pertumbuhan hutang isi rumah menurun sedikit pada separuh kedua tahun 2025 dan sebahagian besarnya terus didorong oleh pinjaman perumahan dan pinjaman kenderaan. Nisbah hutang isi rumah kepada KDNK kekal stabil sepanjang tempoh ini. Penunjuk peringkat mikro bagi keupayaan isi rumah untuk membayar balik hutang kekal kukuh. Median nisbah khidmat hutang kekal stabil pada 33%, manakala median nisbah hutang kepada pendapatan, yang mengukur tahap hutang peminjam, secara amnya kekal stabil pada 1.3 kali. Dalam segmen beli sekarang bayar kemudian (*buy now pay later,* BNPL), dedahan terkumpul kekal kecil pada 0.3% daripada jumlah keseluruhan hutang isi rumah, meskipun pertumbuhan pesatnya memerlukan pemantauan rapi. Dalam hal ini, penubuhan Suruhanjaya

Kredit Pengguna adalah tepat pada masanya serta penting bagi melindungi pengguna melalui pengawalan dan penyeliaan ke atas penyedia perkhidmatan kredit dan perkhidmatan kredit bukan bank yang sebelum ini tidak dikawal selia, termasuk penyedia BNPL. Secara keseluruhan, kualiti kredit isi rumah kekal kukuh, disokong oleh amalan pengunderaitan yang berhemat, penilaian kemampuan pinjaman oleh bank-bank serta tingkah laku bayaran balik pinjaman yang baik dalam kalangan peminjam. Dalam tempoh terdekat, risiko kredit isi rumah dijangka kekal terkawal. Bank-bank dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) akan terus menyediakan sokongan kepada peminjam yang menghadapi cabaran kewangan sekiranya diperlukan.

Keadaan dalam sektor harta tanah kediaman Malaysia secara amnya kekal stabil berikutan aktiviti pasaran yang mantap serta pertumbuhan harga rumah yang sederhana. Transaksi perumahan terus didorong terutamanya oleh segmen pasaran umum (rumah berharga RM500,000 dan ke bawah), yang mencakupi kira-kira tiga perempat daripada jumlah keseluruhan transaksi. Namun begitu, bilangan unit rumah yang tidak terjual meningkat sepanjang tahun 2025, meskipun jumlah ini mewakili bahagian yang kecil daripada keseluruhan stok perumahan. Perkembangan ini mencerminkan ketidakpadanan antara penawaran dengan permintaan yang masih berterusan, sebahagian besarnya berpunca daripada lebihan penawaran unit yang tidak mampu dimiliki oleh kebanyakan pembeli atau kurang menarik disebabkan oleh faktor-faktor seperti lokasi. Dalam sektor harta tanah bukan kediaman pula, lebihan penawaran dalam segmen ruang pejabat dan kompleks beli-belah masih berlanjutan. Kadar kekosongan dalam segmen ini, meskipun kekal tinggi, secara amnya telah mencatatkan penambahbaikan berbanding dengan kadar tertingginya semasa tempoh pandemik pada tahun 2022. Risiko terhadap kestabilan kewangan daripada keseluruhan sektor harta tanah kekal terkawal, disokong oleh kualiti dedahan pinjaman bank-bank yang kukuh serta median nisbah pinjaman kepada nilai (*loan-to-value*) yang berhemat.

Bank-bank kekal berada pada kedudukan yang kukuh untuk mendorong pengantaraan kewangan, disokong oleh kedudukan mudah tunai dan pendanaan yang kukuh. Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio) dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio) agregat masing-masing melebihi paras minimum pengawalseliaan pada 154.8% dan 115.7%. Kualiti aset kekal kukuh, seperti yang dicerminkan oleh nisbah pinjaman terjejas kasar yang rendah dan stabil pada 1.4% serta penurunan dalam bahagian pinjaman Tahap 2 kepada 6.1% daripada jumlah keseluruhan pinjaman sistem perbankan (Jun 2025: 6.6%). Bank-bank juga mengekalkan amalan peruntukan berhemat, dengan nisbah perlindungan kerugian pinjaman yang tinggi. Keuntungan bank-bank kekal kukuh, disokong oleh pendapatan faedah yang mampan. Permodalan sistem perbankan juga terus kukuh, dengan nisbah jumlah modal pada 18.1% serta lebihan penampan modal berjumlah RM139.3 bilion.

Sektor insurans dan takaful juga kekal berdaya tahan. Dalam segmen insurans hayat dan takaful keluarga, keuntungan keseluruhan menurun sedikit apabila kerugian pengunderaitan bersih yang lebih tinggi dicatatkan. Hal ini berikutan pendapatan premium yang lebih rendah serta peningkatan dalam pembayaran tuntutan perubatan yang telah mengatasi prestasi pelaburan yang lebih kukuh. Yang ketara, pembaharuan struktur bagi menangani inflasi kos perubatan sedang dilaksanakan dengan baik. Kemajuan yang dicapai dalam reka bentuk Pelan Insurans/Takaful Perubatan dan Kesihatan (Medical and Health Insurance/Takaful, MHIT) Asas iaitu pelan perlindungan perubatan secara sukarela dan seragam untuk orang ramai, merupakan langkah awal yang penting bagi menggalakkan kemampanan perlindungan MHIT di Malaysia dalam jangka panjang. Dalam segmen insurans dan takaful am, keuntungan operasi kekal stabil dan telah disokong oleh prestasi pengunderaitan yang mantap. Secara keseluruhan, permodalan sektor insurans dan takaful kekal kukuh, dengan nisbah kecukupan modal agregat pada 225% serta lebihan penampan modal berjumlah RM43.8 bilion.

Ujian tekanan kesolvenan makro terkini yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), yang mengambil kira andaian risiko tambahan, mengesahkan bahawa institusi kewangan berdaya tahan untuk menghadapi kerugian yang tidak dijangka akibat kejutan makroekonomi dan kewangan yang serius. Ujian tekanan tersebut menunjukkan bahawa nisbah modal agregat paling rendah selepas kejutan sepanjang tempoh tekanan bagi bank-bank (15.7%), penanggung insurans hayat (138%) dan penanggung insurans am (151%) kekal melebihi paras minimum pengawalseliaan.

BNM dan institusi kewangan terus memberikan keutamaan kepada usaha mengekalkan daya tahan operasi industri. Bagi terus memperkukuh langkah-langkah mitigasi terhadap penipuan berikutan ancaman perisian hasad yang semakin canggih yang menyasarkan peranti

pelanggan, industri telah mempertingkat keupayaan perlindungan aplikasi mudah alih serta memulakan proses perpindahan berstruktur untuk perkhidmatan perbankan dalam talian kepada pelayar dan sistem operasi yang disokong. Langkah ini bertujuan mengurangkan kelemahan ciri-ciri keselamatan dan pada masa yang sama mengimbangi risiko pengecualian akses kewangan. Institusi kewangan juga telah melaksanakan keperluan yang telah dikemas kini bagi memperkukuh daya tahan perkhidmatan dan keselamatan siber berikutan penerbitan dokumen dasar Risk Management in Technology yang disemak semula pada bulan November 2025. Selaras dengan hal ini, semakan bersasar oleh BNM terhadap pelan kesinambungan perniagaan institusi kewangan mendapati bahawa penyelesaian yang diamalkan oleh institusi kewangan bagi memastikan ketersediaan perkhidmatan penting secara berterusan kepada pelanggan semasa gangguan operasi secara amnya mencukupi. Bagi memperkukuh lagi daya tahan dan kecekapan sistem pembayaran dan penyelesaian, BNM telah mempertingkatkan Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) melalui pelancaran RENTAS+ pada hujung bulan September 2025. RENTAS+ membolehkan penyelesaian transaksi pembayaran runcit dilaksanakan hampir secara masa nyata, lantas mengurangkan dengan ketara risiko kredit antara bank dan risiko penyelesaian di dalam sistem tersebut.

Perkembangan Penting pada Separuh Kedua Tahun 2025

Perkembangan Penting pada Separuh Kedua Tahun 2025

RISIKO PASARAN

Pasaran kewangan domestik kekal teratur dalam keadaan volatiliti yang lebih rendah dalam pasaran global

Sejak penerbitan Tinjauan Kestabilan Kewangan pada bulan Oktober 2025, volatiliti dalam pasaran kewangan global telah menurun antara bulan Oktober 2025 dengan Januari 2026, didorong terutamanya oleh jangkaan yang lebih stabil berhubung dengan hala tuju dasar monetari Amerika Syarikat (AS) yang dijangkakan serta sedikit kejelasan awal mengenai dasar perdagangan AS. Namun begitu, sentimen pasaran kekal terjejas oleh ketegangan geopolitik yang berlanjutan, ketidakpastian baharu mengenai dasar perdagangan AS, kebimbangan tentang penilaian yang berlebihan dalam pelaburan berkaitan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*, AI) dan pertumbuhan yang semakin perlahan dalam beberapa ekonomi utama. Keadaan tekanan pasaran domestik juga mereda dalam tempoh tersebut. Purata paras Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index, FMSI) menurun kepada 5.6% antara bulan Oktober 2025 dan Januari 2026 (bulan Mac hingga September 2025: 9.9%) (Rajah 1.1). FMSI mencatatkan peningkatan sementara pada akhir bulan Januari 2026. Walau bagaimanapun, peningkatan ini berbeza dengan episod tekanan tinggi yang lalu kerana peningkatan kali ini terutamanya mencerminkan volatiliti yang berkaitan dengan ringgit yang semakin kukuh serta peningkatan dalam pasaran ekuiti domestik. Perkembangan ini meningkatkan FMSI meskipun keadaan pasaran yang lebih meluas kekal teratur.

Pasaran ekuiti domestik mencatatkan peningkatan yang kukuh, dengan penanda aras FBM KLCI meningkat sebanyak 8% antara bulan Oktober 2025 dan Januari 2026 (Rajah 1.2), disokong oleh sentimen pelabur yang lebih baik berikutan penyelesaian rundingan perdagangan Malaysia dan langkah-langkah bukan tarif dengan AS pada bulan Oktober 2025. Walau bagaimanapun,

Rajah 1.1: Pasaran Kewangan – Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)



Sumber: Bloomberg, Reuters dan anggaran Bank Negara Malaysia

pelabur bukan pemastautin mencatatkan aliran keluar bersih daripada pasaran ekuiti domestik berjumlah RM5.9 bilion antara bulan Oktober dan Disember 2025 apabila pelabur mengalihkan pelaburan mereka kepada pasaran dengan dedahan yang lebih besar kepada saham berkaitan teknologi. Namun begitu, pada bulan Januari 2026, aliran bukan pemastautin bertukar menjadi positif, dengan aliran masuk bersih sebanyak RM1 bilion (bulan Mac hingga September 2025: -RM11.1 bilion), disokong oleh minat yang semakin meningkat dalam pasaran sedang pesat membangun serta keyakinan yang dipertingkat terhadap prospek ekonomi Malaysia. Keyakinan ini disokong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan, pasaran pekerja yang kukuh dan kemajuan berterusan dalam pembaharuan struktur, termasuk usaha penyatuan fiskal, bersama-sama dengan pelaksanaan berterusan projek pelaburan yang diluluskan pada tahun 2025. Pelabur institusi domestik[1] kekal sebagai pembeli bersih ekuiti domestik, dengan jumlah pegangan bernilai RM8.6 bilion antara bulan Oktober 2025 dan Januari 2026 (bulan Mac hingga September 2025: RM11.3 bilion). Aktiviti dagangan dalam pasaran ekuiti domestik juga kekal berdaya tahan, dengan purata nilai harian yang didagangkan berada pada RM3.9 bilion antara bulan Oktober 2025 dan

[1] Pelabur institusi domestik termasuk bank-bank, institusi kewangan bukan bank (IKBB) serta penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO).

Januari 2026 (bulan Mac hingga September 2025: RM3.3 bilion). Sementara itu, penyertaan pelabur runcit meningkat kepada 17.7% daripada jumlah nilai yang didagangkan dalam pasaran ekuiti domestik antara bulan Oktober 2025 dan Januari 2026 (bulan Mac hingga September 2025: 17%).

Rajah 1.2: Pasaran Kewangan – Aliran Ekuiti Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Ekuiti Domestik



Sumber: Bloomberg

Pasaran bon kerajaan mencatatkan aliran masuk pelaburan bukan pemastautin berikutan sentimen pelabur yang positif.

Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 10 tahun meningkat sedikit sebanyak 4 mata asas antara bulan Oktober 2025 dan Januari 2026, dengan purata sebanyak 3.5% dalam tempoh tersebut (purata bulan Mac hingga September 2025: 3.5%) (Rajah 1.3). Kenaikan yang sederhana sebahagian besarnya mencerminkan jangkaan persekitaran Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) yang stabil. Peningkatan ini juga secara amnya selaras dengan perkembangan dalam kadar hasil Perbendaharaan AS 10 tahun berikutan jangkaan yang lebih kukuh bahawa Federal Reserve AS akan mula mengurangkan kadar dasar secara beransur-ansur. Walaupun terdapat sedikit peningkatan dalam kadar hasil MGS 10 tahun, pasaran bon kerajaan mencatatkan aliran masuk bersih bukan pemastautin sebanyak RM11.4 bilion antara bulan Oktober 2025 dan Januari 2026 (bulan Mac hingga September 2025: RM13.4 bilion). Aliran masuk ini disokong oleh peningkatan keyakinan pelabur berikutan prospek makroekonomi Malaysia yang menggalakkan, pembaharuan struktur dan langkah penyatuan fiskal yang sedang dilaksanakan, serta penyelesaian rundingan perdagangan dengan AS. Pelabur institusi domestik, termasuk institusi kewangan bukan bank, juga mencatatkan pembelian bersih berjumlah RM29.9 bilion pada tempoh yang sama (bulan Mac hingga September 2025: RM32.4 bilion). Mudah tunai pasaran kekal kukuh, disokong oleh permintaan berterusan terhadap bon kerajaan dalam pasaran utama, seperti yang ditunjukkan oleh purata nisbah bida kepada perlindungan (*bid-to-cover ratio*) yang secara relatif kukuh sebanyak 2.2 kali antara bulan Oktober 2025 dan Januari 2026 (bulan Mac hingga September 2025: 2.7 kali).

Rajah 1.3: Pasaran Kewangan – Aliran Bon Kerajaan Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Bon Kerajaan Domestik



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Keadaan dalam pasaran bon korporat kekal menggalakkan untuk menyokong aktiviti pemerolehan dana (*fundraising*). Antara bulan Oktober 2025 dan Januari 2026, syarikat korporat memperoleh RM60.7 bilion dalam terbitan baharu (bulan Mac hingga September 2025: RM107.3 bilion). Pada tahun 2025, terbitan kasar mencatatkan rekod tertinggi (RM173.3 bilion) melebihi paras tertinggi sebelumnya (2022: RM149.8 bilion). Spread kredit antara kertas bertaraf AAA 10 tahun dan MGS 10 tahun kekal tipis, pada purata 23.7 mata asas dalam tempoh tinjauan (bulan Mac hingga September 2025: 20.5 mata asas), mencerminkan permintaan berterusan terhadap bon korporat berkualiti tinggi daripada pelabur yang mencari hasil pulangan. Terbitan kekal tertumpu pada kertas yang dijamin kerajaan (*government-guaranteed*) dan bertaraf AAA, yang secara kolektif mencakupi lebih separuh daripada bon korporat terkumpul.

Jumlah mudah tunai sistem perbankan menurun antara bulan Oktober 2025 dan Januari 2026 daripada RM100.7 bilion kepada RM86.7 bilion.

Dalam tempoh yang sama, mudah tunai sistem perbankan turut berjumlah antara RM84.5 bilion dan RM100.7 bilion (bulan Mac hingga September 2025: RM70.9 bilion hingga RM108 bilion). Penurunan ini terutamanya mencerminkan permintaan bermusim pada akhir tahun terhadap wang kertas serta peminjaman repo berbalik yang lebih rendah oleh bank-bank daripada Bank Negara Malaysia (BNM), yang sebahagiannya mengimbangi kesan aliran masuk modal. Walaupun paras mudah tunai sistem perbankan lebih rendah, keadaan mudah tunai kekal menggalakkan, seperti yang dicerminkan dalam Kadar Semalaman Malaysia (Malaysia Overnight Rate, MYOR) dan purata kadar antara bank semalaman (*average overnight interbank rate*, AOIR), yang didagangkan hampir dengan OPR dalam tempoh tinjauan. Aktiviti dagangan dalam pasaran antara bank kekal mantap, lantas menunjukkan pengantaraan yang kukuh dan fungsi pasaran yang lancar. Purata jumlah tanpa cagaran antara bank harian kekal berdaya tahan pada RM6.3 bilion antara bulan Oktober 2025 dan Januari 2026 (bulan Mac hingga September 2025: RM6.7 bilion), manakala purata jumlah bercagar antara bank harian berjumlah RM1.1 bilion pada tempoh yang sama (bulan Mac hingga September 2025: RM1.1 bilion).

Selaras dengan trend bermusim akhir tahun yang lazim, kadar antara bank meningkat sedikit pada suku keempat tahun 2025, sebelum menurun pada bulan Januari 2026 (kadar antara bank 3 bulan: bulan Oktober hingga Disember 2025: +5 mata asas; bulan Disember 2025 hingga Januari 2026: -4 mata asas). Yang ketara, peningkatan ini lebih sederhana berbanding tempoh yang sama dalam beberapa tahun kebelakangan ini, disokong oleh pengurangan Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) pada bulan Mei 2025 dan aliran masuk modal pada separuh kedua tahun 2025. Spread antara Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) 3 bulan dengan OPR meningkat secara beransur-ansur daripada 47 mata asas kepada 53 mata asas antara akhir bulan September dan akhir Disember 2025, sebelum berada pada 48 mata asas pada akhir bulan Januari 2026. Persekitaran mudah tunai yang lebih menggalakkan berbanding tempoh yang sama pada tahun 2024 juga menyumbang kepada persaingan deposit yang kurang sengit pada tahun 2025, lantas membantu mengurangkan tekanan menaik terhadap kadar antara bank. Mencerminkan keadaan mudah tunai yang lebih baik ini, permintaan bank-bank terhadap kemudahan pinjaman BNM menurun, dengan repo berbalik terkumpul menurun kepada RM24.9 bilion pada akhir bulan Januari 2026, daripada RM48.6 bilion pada akhir bulan September 2025. Kadar antara bank jangka panjang telah menjadi stabil sejak bulan Januari 2026, menunjukkan bahawa keadaan pendanaan telah menjadi wajar menuju ke tempoh masa hadapan.

Antara bulan Oktober 2025 dan Januari 2026, ringgit menambah nilai sebanyak 6.6% berbanding dolar AS kepada 3.9453, iaitu paras paling kukuh sejak bulan Mei 2018. Sentimen pelabur adalah positif, dengan peserta pasaran mengaitkan prestasi ringgit dengan pembaharuan dalam negeri yang berterusan, penyelesaian rundingan perdagangan dengan AS serta sokongan keadaan luaran. Ringgit juga mengukuh berbanding rakan dagang utama yang lain, seperti yang dicerminkan dalam kenaikan 6.1% dalam Kadar Pertukaran Efektif Nominal (Nominal Effective Exchange Rate, NEER). Prestasi ringgit yang positif didorong oleh dolar AS yang lebih lemah secara keseluruhan, dengan DXY menurun sebanyak 0.8% dalam tempoh yang sama. Volatiliti ringgit kekal terkawal, dengan purata volatiliti tersirat USDMYR 1 bulan pada 4.5% antara bulan Oktober 2025 dan Januari 2026 (bulan Mac hingga September 2025: 5.2%). Aktiviti dalam pasaran pertukaran asing domestik juga kekal memberangsangkan, dengan purata jumlah dagangan dalam negeri harian pada USD19.9 bilion antara bulan Oktober 2025 dan Januari 2026 (bulan Mac hingga September 2025: USD20.4 bilion).

Pada masa hadapan, pasaran kewangan Malaysia akan terus beroperasi dalam persekitaran global yang sangat tidak menentu, dibentuk oleh perkembangan berterusan serta ketidakpastian berhubung dengan ketegangan geopolitik dan tarif perdagangan. Khususnya, konflik di Timur Tengah baru-baru ini boleh menyebabkan volatiliti yang lebih meluas dalam pasaran tenaga dan harga komoditi. Risiko ini, bersama-sama dengan perkembangan dalam dasar perdagangan AS, mampu menjejaskan rantaian bekalan dan menambah kepada tekanan inflasi global serta mewujudkan rintangan kepada pertumbuhan global. Keadaan ini mungkin merumitkan prospek dasar monetari dalam ekonomi utama, dengan sebarang perubahan mendadak dalam jangkaan pasaran mengenai hala tuju masa hadapan dasar monetari AS berpotensi mendorong episod penghindaran risiko yang ketara di seluruh pasaran kewangan. Mencerminkan perkembangan ini, tekanan dalam pasaran kewangan domestik telah bertambah, dengan FMSI meningkat kepada 11% setakat 9 Mac 2026. Secara keseluruhan, semua titik dinamik ini mencerminkan persekitaran operasi yang mencabar yang boleh mempertingkatkan volatiliti pasaran global, lantas menyebabkan limpahan ke dalam pasaran kewangan domestik.

Walau bagaimanapun, asas ekonomi Malaysia yang kukuh dan pembaharuan struktur dalam negeri yang sedang dilaksanakan dijangka memberi sokongan kepada sentimen pasaran domestik. Pada masa yang sama, sektor perbankan yang mempunyai permodalan yang kukuh, pasaran kewangan yang mendalam dan mudah cair serta asas pelabur yang pelbagai dijangka terus menyokong fungsi dan daya tahan pasaran yang teratur.

RISIKO KREDIT

Perniagaan kekal berdaya tahan dalam keadaan persekitaran luaran yang mencabar

Aktiviti perniagaan kekal berdaya tahan pada separuh kedua tahun 2025, dengan peningkatan perolehan dalam keadaan persekitaran luaran yang mencabar. Dalam sektor berorientasikan eksport, subsektor elektrik dan elektronik (E&E) serta subsektor yang berkaitan terus memperoleh manfaat daripada permintaan global yang kian meningkat terhadap kecerdasan buatan (*artificial intelligence*, AI). Walau bagaimanapun, prestasi subsektor bukan E&E terjejas berikutan lebihan kapasiti global dan persaingan antarabangsa. Meskipun pengukuhan ringgit pada tempoh tersebut telah menyebabkan pengeksport menghadapi tekanan margin, hal ini turut mengurangkan sebahagian daripada tekanan kos dengan menurunkan kos input yang diimport. Keadaan ini, bersama-sama dengan strategi pengurusan risiko seperti lindung nilai membantu mengekalkan prestasi pengeksport secara keseluruhan. Sementara itu, prestasi syarikat perkilangan berorientasikan dalam negeri kekal disokong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan, khususnya dalam subsektor makanan, minuman dan tembakau serta bahan binaan. Dalam sektor pembinaan, aktiviti disokong oleh pertumbuhan projek perindustrian dan perumahan yang berterusan, projek infrastruktur berbilang tahun yang terus dilaksanakan serta projek pembangunan baharu, termasuk pembinaan pusat data. Sementara itu, sektor perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan yang mampan dalam perniagaan berkaitan pengguna, disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang memuaskan serta peningkatan dalam aktiviti pelancongan.

Syarikat terus menghadapi tekanan kos yang tinggi pada separuh kedua tahun 2025 berikutan peningkatan kos guna tenaga, utiliti, logistik dan pematuhan. Tekanan ini sebahagiannya dikurangkan oleh ringgit yang lebih kukuh dan harga input yang lebih rendah berikutan harga bagi komoditi terpilih seperti keluli, minyak mentah dan gas asli yang berkurang. Hasilnya, kos input agregat bagi perniagaan secara keseluruhan,[2] seperti yang diukur oleh nisbah median kos barang yang dijual (*cost of good sold*, COGS)[3] kekal tinggi (Disember 2025: 76.1%; Jun 2025: 74.6%; Disember 2024: 74.8%). Libat urus BNM dengan sektor perniagaan menunjukkan bahawa kebanyakan syarikat menangani tekanan kos yang kian meningkat menerusi pelbagai langkah pengawalan kos, termasuk pengurusan inventori yang lebih terperinci, rundingan semula dengan pembekal dan penggunaan automasi yang lebih meluas untuk mempertingkatkan kecekapan. Secara keseluruhan, usaha ini menyokong keuntungan dan keupayaan untuk membayar balik hutang oleh perniagaan, meskipun beberapa syarikat perlu menguruskan kos pindahan kepada pelanggan dengan cermat bagi memastikan harga kekal berdaya saing. Median margin operasi bagi keseluruhan sektor perniagaan meningkat sedikit kepada 7.5% (Jun 2025: 7.4%), manakala nisbah perlindungan faedah (*interest coverage ratio*, ICR) kekal stabil pada 6.4 kali (Jun 2025: 6.4 kali) (Rajah 1.4). Seiring dengan itu, bahagian syarikat yang berisiko[4] juga menurun kepada 23.7% (Jun 2025: 25.9%) (Rajah 1.5). Walaupun kewangan sektor perniagaan secara keseluruhannya meningkat sedikit, tahap peningkatan keuntungan dan tekanan kos berbeza-beza mengikut syarikat. Syarikat yang lebih besar secara amnya melaporkan margin operasi yang lebih baik, manakala syarikat yang

Rajah 1.4: Sektor Perniagaan – Penunjuk Prestasi Kewangan Utama



a Awalan

Nota: Paras ambang kehematan bagi nisbah perlindungan faedah dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek masing-masing adalah dua kali dan satu kali.

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

[2] Semua data prestasi kewangan yang dinyatakan dalam bahagian ini adalah berdasarkan pelaporan oleh syarikat yang tersenarai di Malaysia.

[3] Nisbah COGS dikira dengan membahagikan COGS syarikat dengan perolehannya. Nisbah yang lebih tinggi menunjukkan bahawa COGS mencakupi bahagian perolehan yang lebih besar.

[4] Syarikat yang berisiko merujuk kepada syarikat yang mempunyai ICR di bawah paras ambang kehematan, iaitu sebanyak dua kali.

lebih kecil menunjukkan tanda-tanda tekanan kepada margin, yang mencerminkan keupayaan yang terhad untuk menyerap atau membendung kenaikan kos berikutan skala operasi yang secara relatif lebih kecil, kuasa penawaran dan penetapan harga yang lebih lemah serta keupayaan mempelbagaikan perniagaan yang lebih rendah (Rajah 1.6 dan Rajah 1.7).

Rajah 1.5: Sektor Perniagaan – Syarikat yang Berisiko bagi Sektor Terpilih



a Awalan

Nota: Sektor-sektor yang ditunjukkan dalam carta ini secara keseluruhannya merangkumi lebih 50% daripada jumlah pendedahan sektor kewangan terhadap sektor perniagaan setakat S4 2025. Pendedahan sektor kewangan merujuk kepada pinjaman yang diberikan oleh bank-bank tempatan dan pegangan bon domestik.

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 1.6: Sektor Perniagaan – Margin Operasi Mengikut Saiz Syarikat



a Awalan

Nota: Syarikat tersenarai dikelaskan kepada empat kumpulan saiz berdasarkan jumlah aset pada S4 2025: Kumpulan 1 (aset bersamaan atau melebihi RM1.1 bilion), Kumpulan 2 (aset antara RM0.4 bilion dan RM1.1 bilion), Kumpulan 3 (aset antara RM0.15 bilion dan RM0.4 bilion) dan Kumpulan 4 (aset kurang RM0.15 bilion).

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 1.7: Sektor Perniagaan – Nisbah Kos Barang Terjual Mengikut Saiz Syarikat



a Awalan

Nota: Syarikat tersenarai dikelaskan kepada empat kumpulan saiz berdasarkan jumlah aset pada S4 2025: Kumpulan 1 (aset bersamaan atau melebihi RM1.1 bilion), Kumpulan 2 (aset antara RM0.4 bilion dan RM1.1 bilion), Kumpulan 3 (aset antara RM0.15 bilion dan RM0.4 bilion) dan Kumpulan 4 (aset kurang RM0.15 bilion).

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

Kualiti kredit pinjaman perniagaan secara keseluruhannya meningkat tanpa perbezaan trend yang ketara merentas segmen dan sektor. Bahagian pinjaman terjejas dan pinjaman yang menunjukkan peningkatan risiko kredit (pinjaman Tahap 2) bagi keseluruhan perniagaan bertambah baik, masing-masing kepada 2.8% dan 10.7% (Jun 2025: 3.1% dan 11.9%) (Rajah 1.8). Dalam segmen perusahaan kecil dan sederhana (PKS), sebilangan kecil peminjam, khususnya syarikat mikro dan kecil dalam sektor perdagangan borong dan runcit, pertanian, pembinaan serta makanan dan minuman terus menunjukkan tanda-tanda tekanan dalam membayar balik pinjaman. Libat urus BNM dengan bank-bank dan perniagaan mendapati bahawa syarikat-syarikat ini lazimnya menghadapi cabaran perniagaan yang berlarutan, termasuk aliran tunai yang ketat dan margin keuntungan yang tertekan disebabkan oleh bayaran tertangguh oleh pelanggan, persaingan yang lebih sengit dan kos operasi yang semakin tinggi. Walaupun berhadapan dengan cabaran ini, sebahagian besar peminjam PKS secara amnya terus melakukan penyesuaian terhadap keadaan perniagaan semasa dan kekal berkeupayaan untuk membayar balik obligasi kewangan syarikat. Bahagian pinjaman PKS yang tertunggak[5] meningkat sedikit kepada 1.5% (Jun 2025: 1.3%), manakala pinjaman PKS terjejas secara amnya stabil pada 3.5% (Jun 2025: 3.6%). Selaras dengan pemerhatian bahawa tekanan bayaran balik pinjaman adalah terhad kepada sebilangan kecil peminjam PKS, bahagian pinjaman PKS di bawah bantuan bayaran balik pinjaman daripada bank-bank dan Agensi Kaunseling dan

[5] Merujuk kepada akaun pinjaman yang tertunggak selama satu atau dua bulan.

Pengurusan Kredit (AKPK) menurun kepada 3.8% daripada jumlah pinjaman PKS (Jun 2025: 4.1%), atau 0.6% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP), tanpa perubahan yang ketara dalam profil peminjam PKS yang memohon bantuan.

Rajah 1.8: Sektor Perniagaan – Pinjaman Terjejas Kasar



Nota: Data merujuk pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan pembiayaan terus menyokong keperluan perniagaan, dengan kredit kepada perniagaan[6] yang berkembang pada kadar tahunan sebanyak 5.1% setakat Disember 2025 (Jun 2025: 4.4%). Perniagaan, khususnya syarikat korporat yang lebih besar, terus menggunakan pelbagai sumber pembiayaan, termasuk pembiayaan daripada pasaran bon korporat dalam negeri dan pinjaman luar negeri (rujuk bahagian "Keadaan Dasar Monetari dan Pembiayaan Dalam Negeri" dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari BNM 2025 untuk perincian lanjut tentang keadaan pembiayaan perniagaan). Dalam pasaran bon korporat dalam negeri, kualiti kredit terbitan bon kekal kukuh (rujuk bahagian Risiko Pasaran), dengan tiada terbitan diturunkan penarafannya pada separuh kedua tahun 2025 (ST1 2025: satu terbitan). Profil pinjaman luar negeri syarikat korporat (Disember 2025: RM618.7 bilion; Jun 2025: RM628.2 bilion) sebahagian besarnya kekal tidak berubah, lantas mengehadkan kelemahan yang berpunca daripada obligasi pinjaman luar negeri. Kira-kira 60% daripada dedahan ini terdiri daripada pinjaman antara syarikat dan pengaturan kredit perdagangan antara syarikat berorientasikan eksport dengan risiko kredit yang rendah. Pinjaman antara syarikat lazimnya mempunyai struktur bayaran balik pinjaman dan syarat konsesi yang fleksibel, manakala bayaran balik kredit perdagangan lazimnya diselaraskan dengan hasil eksport. Risiko pembiayaan semula kekal terkawal, disokong terutamanya oleh pinjaman jangka panjang, dengan kira-kira 70% daripada pinjaman luar negeri syarikat korporat mempunyai tempoh matang melebihi satu tahun. Kebanyakan pinjaman luar negeri dalam mata wang asing oleh syarikat pemastautin besar terus dilindung nilai secara semula jadi atau secara kewangan, lantas mengurangkan risiko ketidakpadanan mata wang.

Melangkah ke hadapan, prospek sektor perniagaan dijangka berteraskan permintaan dalam negeri dan aktiviti pelaburan yang berdaya tahan, permintaan luar negeri yang berterusan terhadap barangan E&E serta aktiviti pelancongan yang stabil berikutan kempen Tahun Melawat Malaysia 2026, meskipun terdapat sedikit gangguan perjalanan disebabkan oleh konflik di Timur Tengah. Perniagaan mungkin terus menghadapi tekanan kos yang berlarutan, termasuk daripada volatiliti harga komoditi global yang lebih ketara berikutan konflik di Timur Tengah. Perniagaan yang lebih besar secara amnya dijangka kekal berada pada kedudukan yang lebih baik untuk menghadapi cabaran operasi, disokong oleh kedudukan kewangan yang lebih kukuh serta keupayaan rundingan yang lebih meluas. Bagi perniagaan yang kecil, langkah-langkah sokongan yang diumumkan oleh Kerajaan[7] untuk mengecualikan dan menangguhkan keperluan cukai dan pematuhan terpilih bagi perniagaan kecil yang layak dijangka akan membantu perniagaan kecil mengurangkan beban kos dan pentadbiran. Risiko daya tahan perniagaan menjadi rendah berpunca terutamanya daripada prospek pertumbuhan global yang lebih lemah yang boleh menjejaskan permintaan luar negeri, potensi cabaran perdagangan dan rantaian bekalan yang semakin sengit berikutan ketegangan geopolitik dan tarif perdagangan yang berterusan, serta keadaan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana. Walau bagaimanapun, ujian tekanan yang dilaksanakan oleh BNM mengesahkan bahawa bank-bank mengekalkan penampan modal yang mencukupi untuk menghadapi potensi peningkatan kerugian kredit daripada sektor perniagaan di bawah senario tekanan buruk (rujuk bahagian "Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan" untuk mendapatkan butiran lanjut). Mekanisme penyelesaian hutang, seperti Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (Small Debt Resolution Scheme, SDRS) dan mekanisme pemulihan syarikat yang dibenarkan oleh mahkamah juga terus tersedia bagi memberikan pilihan penstrukturan semula kepada syarikat yang menghadapi kesukaran namun berdaya maju.

[6] Kredit kepada perniagaan terdiri daripada pinjaman kepada perniagaan terkumpul dan bon korporat terkumpul.

[7] Merujuk kepada langkah-langkah yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Ucapan Amanat Tahun Baharu 2026, yang merangkumi pengurangan kadar cukai perkhidmatan ke atas sewaan berserta ambang perolehan yang lebih tinggi untuk pengecualian dan penangguhan bagi keperluan pematuhan e-Invois.

Kualiti peminjaman isi rumah secara keseluruhan kekal kukuh, disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif

Setakat akhir bulan Disember 2025, hutang isi rumah berkembang pada kadar tahunan sebanyak 5.6% (Rajah 1.9), selaras dengan purata pertumbuhan yang diperhatikan pada tempoh sebelum pandemik (purata 2015–2019: 5.6%), tetapi rendah sedikit daripada 5.9% yang dicatatkan pada bulan Jun 2025. Pertumbuhan hutang isi rumah terus didorong terutamanya oleh pinjaman perumahan dan kereta, meskipun sumbangan pinjaman perumahan kepada pertumbuhan tahunan menurun sedikit kepada 3.6 mata peratusan setakat akhir bulan Disember 2025 (Jun 2025: 3.8 mata peratusan). Walaupun jumlah transaksi adalah stabil, pertumbuhan pinjaman perumahan mereda pada separuh kedua tahun 2025 dalam keadaan pertumbuhan harga rumah yang lebih sederhana (rujuk rencana "Perkembangan dalam Pasaran Harta Tanah"). Pertumbuhan pembiayaan kereta menjadi stabil pada separuh kedua tahun 2025 (Disember 2025: 7.5%) selepas menjadi perlahan pada separuh pertama tahun 2025 (Jun 2025: 7.7%; Disember 2024: 9.1%). Hal ini sebahagiannya disokong oleh permintaan untuk kenderaan elektrik pasang siap (*completely built-up electric vehicles*, CBU EV) yang dilakukan lebih awal menjelang luputnya pelepasan cukai CBU EV pada bulan Disember 2025. Sementara itu, pertumbuhan kredit berasaskan penggunaan terus menjadi perlahan. Hutang kad kredit dan pinjaman peribadi terkumpul meningkat pada kadar tahunan yang lebih rendah, iaitu masing-masing 6.3% dan 3.3% setakat akhir bulan Disember 2025 (Jun 2025: 9.2% dan 4.7%). Sumbangan hutang kad kredit dan pinjaman peribadi ini terhadap pertumbuhan hutang isi rumah secara keseluruhan terus menurun, dengan jumlah bahagian gabungan hutang isi rumah berkurang kepada 15.1% (Jun 2025: 15.2%; Disember 2019: 16.8%) (Rajah 1.10). Selain itu, bahagian baki pusingan (*revolving balances*) kad kredit,[8] yang mungkin boleh mencerminkan tekanan aliran tunai yang mungkin dihadapi oleh peminjam,[9] menurun sedikit kepada 48% (Jun 2025: 48.9%; purata 2015–2019: 60.6%). Hal ini menunjukkan bahawa semakin banyak isi rumah melunaskan baki kad kredit mereka sepenuhnya.

Rajah 1.9: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Hutang Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.10: Sektor Isi Rumah – Komposisi Hutang Mengikut Tujuan



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Selepas mencatatkan peningkatan pada separuh pertama tahun 2025, nisbah hutang isi rumah kepada KDNK menjadi stabil pada 84.8% (Jun 2025: 84.8%; Disember 2024: 84.1%), lantas mencerminkan prestasi KDNK nominal yang kukuh bersama-sama dengan pertumbuhan hutang isi rumah yang lebih sederhana (Rajah 1.11). Berikutan pertumbuhan hutang isi rumah yang secara relatif stabil sejak kebelakangan ini, perubahan nisbah ini didorong terutamanya oleh KDNK nominal, lantas menggariskan kepentingan penunjuk peringkat mikro dalam menilai keupayaan isi rumah untuk membayar balik hutang. Penunjuk-penunjuk ini kekal kukuh. Pertumbuhan hutang peminjam terus disokong oleh pertumbuhan pendapatan, seperti yang dicerminkan oleh median nisbah hutang kepada pendapatan yang stabil pada 1.3 kali (Jun 2025: 1.4 kali). Median nisbah khidmat

[8] Merujuk baki kad kredit terkumpul yang masih belum dilunaskan apabila tempoh pembayaran tiba dan dibawa ke tempoh kitaran bil yang berikutnya.

[9] Rujuk bahagian "Risiko Kredit – Isi Rumah" dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM untuk Separuh Pertama Tahun 2025 untuk maklumat lanjut.

hutang (*debt service ratio*, DSR) bagi pinjaman isi rumah terkumpul juga kekal stabil pada 33% (Jun 2025: 33%) (Rajah 1.12). Hal ini menunjukkan keupayaan isi rumah untuk terus memenuhi komitmen bayaran balik pinjaman dan perbelanjaan. Pemberian pinjaman kepada peminjam isi rumah yang dianggap lebih berisiko[10] kekal terhad, dengan bahagian mereka dalam pinjaman baharu yang diluluskan menurun kepada 7.9% (Jun 2025: 8.3%). Bahagian hutang isi rumah terkumpul yang dipegang oleh peminjam lebih berisiko ini juga mencatatkan penurunan (8.9%; Jun 2025: 9.1%). Secara kolektif, kekukuhan penunjuk-penunjuk ini menggariskan amalan pengunderaitan dan penilaian kemampuan yang berhemat oleh bank-bank, dilengkapi dengan amalan pengurusan hutang yang bertanggungjawab dalam kalangan peminjam.

Rajah 1.11: Sektor Isi Rumah – Nisbah Utama



Nota: Data untuk siri hutang "Jumlah" merangkumi pinjaman sistem perbankan, institusi kewangan pembangunan (IKP) dan institusi kewangan bukan bank (IKBB) terpilih.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Rajah 1.12: Sektor Isi Rumah – Median Nisbah Khidmat Hutang Peminjam yang Mempunyai Pinjaman Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

[10] Merujuk peminjam yang mempunyai DSR yang tinggi (melebihi 60%) serta pendapatan boleh guna bersih bulanan yang rendah (kurang RM1,000 sebulan).

Penggunaan skim beli sekarang bayar kemudian (*buy now pay later*, BNPL)[11] yang semakin meluas kekal menjadi antara bidang pemantauan utama BNM. Pada separuh kedua tahun 2025, jumlah bilangan dan nilai transaksi BNPL meningkat masing-masing kepada 140.3 juta transaksi dan RM11.9 bilion (ST1 2025: 102.6 juta transaksi dan RM9.3 bilion) (Rajah 1.13). Seiring dengan itu, jumlah hutang BNPL terkumpul meningkat kepada RM4.9 bilion setakat akhir bulan Disember 2025 (Jun 2025: RM3.8 bilion). Pertumbuhan segmen BNPL ini terus didorong terutamanya oleh peningkatan mendadak dalam kalangan pengguna aktif[12] BNPL, dengan bilangan akaun aktif mencecah 7.5 juta (Jun 2025: 6.5 juta). Bahagian hutang BNPL yang tertunggak[13] adalah stabil pada 3.2% daripada jumlah hutang BNPL terkumpul (Jun 2025: 3.2%) dan kekal lebih rendah daripada paras yang dicatatkan pada peringkat awal kemunculan segmen ini (Mac 2023: 6.0%). Selain itu, definisi tertunggak sebagai satu hari atau lebih melangkaui tempoh mencerminkan pendekatan pemantauan yang berhemat dan konservatif. Walaupun hutang BNPL terkumpul hanya mencakupi 0.3% daripada jumlah hutang isi rumah (Jun 2025: 0.2%), pertumbuhan pesat segmen ini mewajarkan pemantauan rapi secara berterusan. Sehubungan dengan itu, penubuhan Suruhanjaya Kredit Pengguna akan mengawal dan menyelia penyedia kredit bukan bank serta perkhidmatan kredit yang sebelum ini tidak tertakluk kepada pengawalseliaan, termasuk penyedia BNPL, di bawah rangka kerja formal pengawalan dan penyeliaan. Langkah ini dijangka akan memperkukuh usaha perlindungan dan pengawasan pengguna yang sedia ada.

Rajah 1.13: Sektor Isi Rumah – Bilangan dan Nilai Transaksi bagi Skim Beli Sekarang Bayar Kemudian (BNPL)



Nota: Data merujuk transaksi BNPL dengan penyedia bukan bank.

Sumber: Suruhanjaya Kredit Pengguna

[11] Semua angka BNPL merujuk transaksi yang dibuat oleh pengguna penyedia BNPL bukan bank sahaja.

[12] Merujuk pemegang akaun BNPL yang melakukan sekurang-kurangnya satu transaksi BNPL dalam tempoh 12 bulan yang lalu. Seseorang pengguna kredit mungkin memiliki beberapa akaun BNPL dengan penyedia yang berbeza.

[13] Merujuk akaun BNPL yang tertunggak selama satu hari atau lebih, lantas mencerminkan langkah yang lebih konservatif berbanding dengan pendekatan yang digunakan oleh bank-bank.

Aset kewangan isi rumah berkembang pada kadar tahunan sebanyak 6.2% setakat akhir bulan Disember 2025 (Jun 2025: 5.4%) (Rajah 1.14). Pertumbuhan ini terus didorong terutamanya oleh simpanan isi rumah dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), yang menyumbang 4.1 mata peratusan kepada pertumbuhan tahunan aset kewangan isi rumah (Jun 2025: 4.1 mata peratusan). Secara keseluruhan, simpanan dalam KWSP dan deposit mencakupi 68% daripada jumlah aset kewangan (Jun 2025: 68.4%). Walaupun terdapat pertumbuhan deposit isi rumah yang lebih perlahan, pertumbuhan aset kewangan isi rumah keseluruhan kekal kukuh, disokong oleh peningkatan penilaian pegangan ekuiti domestik dan dana amanah unit pada separuh kedua tahun 2025. Hal ini selaras dengan sentimen pelabur yang lebih baik berikutan penyelesaian rundingan perdagangan dengan AS dan keyakinan yang meningkat terhadap prospek ekonomi Malaysia. Secara keseluruhan, kedudukan kewangan isi rumah kekal kukuh, dengan jumlah aset kewangan berada pada paras 2.1 kali jumlah hutang isi rumah.

Rajah 1.14: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Aset Kewangan Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Kualiti pinjaman isi rumah secara keseluruhannya kekal teguh, disokong oleh keupayaan bayaran balik hutang yang kukuh serta keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan. Setakat akhir bulan Disember 2025, nisbah pinjaman isi rumah terjejas kekal stabil pada 1.0% (Jun 2025: 1.1%) (Rajah 1.15). Bahagian dedahan pinjaman isi rumah yang berada dalam program bantuan bayaran balik pinjaman secara amnya stabil pada 1.8% daripada jumlah keseluruhan pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (Jun 2025: 1.7%).

Tanda-tanda kemunculan tekanan kewangan dalam kalangan peminjam isi rumah kekal terhad dan terpencil, tanpa menunjukkan trend yang meluas dari segi bayaran tertunggak merentas kumpulan pendapatan, sektor pekerjaan atau wilayah.

Rajah 1.15: Sektor Isi Rumah – Nisbah Pinjaman Terjejas



Nota: Data merujuk kepada pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada masa hadapan, risiko kredit isi rumah dijangka kekal stabil dan terkawal dalam tempoh terdekat, disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang terus menggalakkan. Walau bagaimanapun, bank-bank dan AKPK kekal berwaspada terhadap tanda-tanda tekanan kewangan dalam kalangan peminjam serta terus menawarkan bantuan penstrukturan semula pinjaman sekiranya diperlukan. Pertumbuhan pendapatan, termasuk daripada pelarasan gaji penjawat awam pada bulan Januari 2026, dijangka terus menyokong daya tahan isi rumah. Meskipun peningkatan pendapatan isi rumah mungkin menyumbang kepada kadar pertumbuhan hutang yang lebih pantas melalui kelayakan pinjaman yang lebih baik, risiko dijangka terkawal berikutan amalan pemberian pinjaman yang kukuh oleh institusi kewangan.

Ujian tekanan yang dijalankan oleh BNM menunjukkan bahawa di bawah senario buruk seperti kadar pengangguran dan inflasi yang tinggi, beberapa segmen peminjam mudah terjejas kekal terdedah kepada tekanan kewangan. Segmen ini termasuk peminjam berpendapatan rendah dan peminjam yang mempunyai banyak hutang dengan penampan kewangan yang rendah. Dalam keadaan kejutan pasaran pekerja yang teruk dengan kadar pengangguran meningkat kepada 6%, sehingga 5.3% daripada jumlah pinjaman isi rumah dalam sistem perbankan berisiko untuk mungkir menjelang akhir tahun 2028. Walau bagaimanapun, potensi kerugian ini masih dapat dikawal dengan baik oleh lebihan penampan modal bank-bank (rujuk bahagian “Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan” untuk maklumat lanjut).

Perkembangan Utama pada Separuh Kedua Tahun 2025: Harta Tanah

Dalam sektor harta tanah kediaman, aktiviti pasaran kekal stabil berikutan peningkatan dalam keadaan guna tenaga dan pendapatan, akses berterusan kepada pembiayaan serta sokongan dasar untuk pembeli rumah kali pertama.[14] Jumlah transaksi terus stabil pada beberapa suku kebelakangan ini (S4 2025: 69,447 unit; S2 2025: 61,019 unit) (Rajah 1.16), dengan segmen pasaran umum (rumah berharga RM500,000 dan ke bawah) mencakupi kira-kira tiga perempat daripada jumlah transaksi. Oleh itu, harga rumah terus meningkat, meskipun pada kadar yang lebih sederhana iaitu 2.3% pada suku ketiga tahun 2025 (S2 2025: 3.0%) (Rajah 1.17). Pertumbuhan ini sebahagian besarnya didorong oleh harta bertanah, mencerminkan permintaan yang kukuh dalam keadaan penawaran yang lebih terhad berbanding dengan unit bertingkat tinggi.

Rajah 1.16: Pasaran Harta Tanah – Bilangan Transaksi Harta Tanah Kediaman*



* Tidak termasuk pangsapuri khidmat dan *small office*, *home office* (SOHO) kerana kedua-duanya diklasifikasikan sebagai harta tanah komersial di bawah NAPIC.

a Awalan

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

Rajah 1.17: Pasaran Harta Tanah – Pertumbuhan Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) Mengikut Jenis Kediaman



Nota: Unit bertingkat tinggi termasuk kondominium, pangsapuri dan rumah pangsa tetapi mengecualikan pangsapuri khidmat dan *small office*, *home office* (SOHO).

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) dan anggaran Bank Negara Malaysia

Pasaran perumahan kekal menghadapi ketidakpadanan penawaran dan permintaan yang berterusan. Bilangan unit perumahan tidak terjual[15] meningkat sedikit (Rajah 1.18), namun hanya merangkumi sebahagian kecil daripada keseluruhan stok perumahan (S4 2025: 2.5%; S2 2025: 2.3%). Peningkatan ini sebahagian besarnya mencerminkan saluran penawaran baharu yang kukuh berikutan pelancaran harta tanah kediaman baharu pada tahap tertinggi dalam sejarah pada tahun 2024 (unit kediaman yang baru dilancarkan pada tahun 2024: 94,674 unit; 2023: 66,576 unit).[16] Pada masa yang sama, unit yang tidak terjual sedia ada menunjukkan tanda-tanda lekatan struktur (*structural stickiness*). Hampir dua perlima jumlah harta tanah yang tidak terjual telah berada dalam pasaran sekurang-kurangnya selama tiga tahun. Lebihan bekalan yang berterusan ini sebahagian besarnya mencerminkan kekangan kemampuan untuk memiliki rumah serta ketidaksesuaian projek (contohnya, lokasi dan demografi sasaran penduduk). Walau bagaimanapun, dalam kalangan pemaju yang mempunyai inventori berpanjangan seperti ini, mereka yang mempunyai bahagian unit tidak terjual yang tinggi[17] berbanding jumlah unit yang tersedia semasa pelancaran mencakupi hanya 15.8% daripada keseluruhan pemaju yang mempunyai stok tidak terjual. Jumlah ini mencerminkan pengekalan inventori yang terhad kepada sebahagian kecil pemaju.

Akses kepada pembiayaan dalam sektor harta tanah kediaman kekal tersedia. Pembiayaan akhir meningkat sebanyak 5.9% tahun ke tahun (Jun 2025: 6.4%), didorong terutamanya oleh para pemilik rumah[18] yang lazimnya mempunyai insentif kukuh untuk memenuhi obligasi hutang mereka. Sebaliknya,

[14] Seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2026, pembeli rumah kali pertama yang membeli harta tanah kediaman bernilai RM500,000 dan ke bawah layak mendapat pengecualian duti setem sehingga 31 Disember 2027. Pembeli rumah kali pertama juga layak mendapat pelepasan cukai pendapatan terhadap bayaran faedah pinjaman perumahan (sehingga RM7,000 bagi harta tanah bernilai di bawah RM500,000; sehingga RM5,000 bagi harta tanah bernilai antara RM500,000 dan RM750,000) sehingga 31 Disember 2027.

[15] Merujuk kepada unit sedang dibina yang tidak terjual dan unit telah siap yang tidak terjual. Angka termasuk harta tanah kediaman tidak terjual (rumah kediaman bertanah, rumah pangsa kos rendah, rumah pangsa, kondominium dan pangsapuri), serta pangsapuri khidmat dan unit *small office, home office* (SOHO).

[16] Tidak termasuk pelancaran baharu pangsapuri khidmat dan SOHO.

[17] Bagi tujuan laporan ini, pemaju dengan bahagian unit tidak terjual yang tinggi secara amnya merujuk kepada pemaju yang mempunyai lebih 40% unit yang telah dilancarkan masih belum terjual.

[18] Diwakili oleh peminjam individu yang mempunyai satu pinjaman perumahan terkumpul, termasuk pembeli rumah kali pertama.

pertumbuhan pinjaman dalam kalangan spekulator harta tanah[19] kekal terhad (Rajah 1.19). Kualiti kredit dalam portfolio pinjaman perumahan kekal stabil, dengan nisbah pinjaman perumahan terjejas keseluruhan tidak berubah pada 1.1% (Jun 2025: 1.1%). Yang penting, nisbah pinjaman perumahan terjejas bagi pelabur harta tanah[20] adalah secara relatif lebih rendah (0.8%), mencerminkan standard pemberian pinjaman yang berhemat oleh bank-bank. Pelabur harta tanah secara amnya mempunyai keupayaan kewangan yang lebih kukuh, dengan 62.1% daripada pelabur mempunyai pendapatan bulanan sekurang-kurangnya RM10,000 (berbanding dengan 31.2% daripada para pemilik rumah).

Rajah 1.18: Pasaran Harta Tanah – Bilangan Unit Perumahan Tidak Terjual



Nota: Angka termasuk unit sedang dibina yang tidak terjual dan unit telah siap yang tidak terjual untuk harta tanah kediaman, pangsapuri khidmat dan *small office, home office* (SOHO).

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

Rajah 1.19: Pasaran Harta Tanah – Sumbangan kepada Pertumbuhan Tahunan bagi Pinjaman Perumahan mengikut Jenis Peminjam



Sumber: Bank Negara Malaysia

Median nisbah pinjaman kepada nilai (*loan-to-value*, LTV) bagi keseluruhan pinjaman perumahan terkumpul kekal berhemat pada 70.3% pada bulan Disember 2025 (Jun 2025: 70.2%). Hal ini menyediakan penampan yang baik untuk bank-bank dan peminjam, lantas mengurangkan risiko peminjam menghadapi kedudukan ekuiti negatif jika harga rumah menurun. Pada masa hadapan, risiko terhadap kestabilan kewangan yang berpunca daripada sektor harta tanah kediaman dijangka kekal rendah, disokong oleh standard pemberian pinjaman yang kukuh oleh bank-bank serta pertumbuhan ekonomi yang berterusan.

Dalam sektor harta tanah bukan kediaman (*non-residential property,* NRP),[21] risiko kekal terkawal meskipun wujud cabaran berterusan dalam segmen ruang pejabat dan kompleks beli-belah (*office space and shopping complex,* OSSC). Peningkatan pelaksanaan pengaturan kerja hibrid dan ruang kerja fleksibel menunjukkan bahawa penawaran ruang pejabat dijangka terus berlebihan dalam jangka sederhana. Trend yang sama turut diperhatikan dalam segmen kompleks beli-belah, berikutan penyiapan beberapa ruang perniagaan runcit baharu sepanjang tahun 2025 serta penawaran baharu yang besar, yang boleh memburukkan lagi keadaan lebihan bekalan dalam segmen ini, khususnya di Lembah Klang (bekalan sedia ada pada S4 2025: 82.1 juta kaki persegi; S2 2025: 79.2 juta kaki persegi; penawaran baharu 2026 hingga 2028: +5.6 juta kaki persegi).[22] Walaupun kadar kekosongan bagi kedua-dua segmen secara amnya tinggi berbanding paras tahun 2019, kadar tersebut telah bertambah baik berbanding tahap tertingginya yang disebabkan oleh pandemik pada tahun 2022 (Rajah 1.20).

Secara keseluruhan, risiko terhadap kestabilan kewangan yang berpunca daripada sektor NRP kekal terhad. Nisbah pinjaman terjejas bagi portfolio pinjaman NRP kekal rendah pada 1.5% (Jun 2025: 1.5%) (Rajah 1.21). Risiko daripada segmen OSSC juga kekal terkawal. Walaupun segmen OSSC mempunyai kelemahan sedia ada, pembiayaan akhir terhadap segmen OSSC mewakili bahagian yang agak kecil daripada jumlah keseluruhan pinjaman sistem perbankan iaitu 2.5% (Jun 2025: 2.6%), dengan nisbah

[19] Diwakili oleh peminjam individu yang mempunyai tiga atau lebih pinjaman perumahan terkumpul.
[20] Pelabur harta tanah individu merujuk kepada peminjam yang mempunyai dua atau lebih pinjaman perumahan terkumpul.
[21] Apabila membincangkan pasaran Malaysia dalam rencana ini, istilah "harta tanah bukan kediaman" yang digunakan merangkumi segmen ruang pejabat dan kompleks beli-belah serta rumah kedai (yang lazimnya dikategorikan sebagai harta tanah komersial di Malaysia), di samping segmen bukan kediaman lain seperti bangunan industri, hotel dan pembelian tanah.
[22] Sumber: Jones Lang Wootton

pinjaman terjejas yang stabil pada 2.3% (Jun 2025: 2.2%). Selain itu, median LTV terkumpul bagi segmen OSSC kekal berhemat pada 59.2% (Jun 2025: 59.3%), lantas menyediakan penampan yang besar terhadap kemungkinan pembetulan harga. Pada masa hadapan, risiko dalam keseluruhan sektor NRP dijangka kekal terkawal, manakala perkembangan dalam segmen OSSC akan terus dipantau dengan teliti.

Rajah 1.20: Pasaran Harta Tanah – Kadar Kekosongan Ruang Pejabat dan Kompleks Beli-Belah



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 1.21: Pasaran Harta Tanah – Pinjaman Terjejas Pembelian Harta Tanah Bukan Kediaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

RISIKO OPERASI

Operasi institusi kewangan kekal berdaya tahan dengan kewaspadaan berterusan terhadap risiko baharu

Operasi institusi kewangan kekal berdaya tahan sepanjang separuh kedua tahun 2025. Kerugian kewangan yang berkaitan meningkat namun kekal rendah iaitu hanya 0.11% daripada jumlah modal sistem perbankan (ST1 2025: 0.04%; ST2 2024: 0.03%). Kerugian ini berpunca terutamanya daripada beberapa kes terpencil melibatkan penipuan luaran dan gangguan sistem, yang telah ditangani menerusi langkah-langkah pembetulan serta pemulihan yang dilaksanakan tepat pada masanya. Pada masa yang sama, institusi kewangan terus memperkukuh sistem dan proses pengurusan risiko operasi mereka melalui pelaburan secara bersasar bagi menangani punca utama serta mempertingkatkan kawalan dalaman.

Pengukuhan daya tahan siber kekal menjadi keutamaan seiring dengan pendigitalan dan penggunaan teknologi dalam sektor kewangan yang semakin pesat. Institusi kewangan terus mengekalkan standard keselamatan siber yang tinggi serta kekal waspada terhadap risiko teknologi dan ancaman siber yang berubah-ubah. Walaupun insiden melibatkan penyedia perkhidmatan pihak ketiga (*third-party service provider*, TPSP) meningkat sedikit berikutan insiden kebocoran data dan gangguan rantaian bekalan pada peringkat global, tiada insiden yang serius atau pencerobohan data secara langsung yang menjejaskan institusi kewangan tempatan dilaporkan.[23] Risiko sistemik akibat kegagalan pihak ketiga kekal rendah berikutan kawalan pengurusan risiko yang lebih ketat oleh institusi kewangan terhadap perkhidmatan pihak ketiga serta penambahbaikan berterusan terhadap pelan tindak balas, pemulihan dan kontingensi bagi risiko berkaitan TPSP.

Institusi kewangan turut memperkukuh tahap kewaspadaan terhadap taktik penipuan yang berubah-ubah. Hasilnya, jumlah penipuan transaksi yang berjaya dibanteras pada tahun 2025 meningkat dengan ketara.[24] Walau bagaimanapun, kes-kes penipuan yang dilaporkan terus meningkat, didorong terutamanya oleh perisian hasad (*malware*) yang semakin canggih yang mampu menjejaskan peranti pelanggan dan membolehkan pemindahan dana tanpa kebenaran. Sebagai tindak balas, BNM dan industri telah mempertingkatkan keupayaan perlindungan untuk peranti mudah alih bagi melindungi platform perbankan mudah alih dan peranti pelanggan daripada perisian hasad serta akses tanpa kebenaran.[25] Bagi melengkapi usaha ini, BNM dan industri kewangan turut memulakan satu pelan perpindahan (*migration*) berstruktur untuk memastikan perkhidmatan perbankan dalam talian beroperasi melalui pelayar laman sesawang dan sistem pengendalian mudah alih yang disokong sahaja. Langkah ini mengurangkan kelemahan keselamatan pada peranti yang tidak lagi menerima kemas kini keselamatan kritikal dan pada masa yang sama mengekalkan keterangkuman kewangan melalui langkah perlindungan tambahan yang wajar.[26]

Berikutan penerbitan dokumen dasar Pengurusan Risiko dalam Teknologi (Risk Management in Technology, RMiT) yang telah disemak semula pada bulan November 2025, institusi kewangan telah melaksanakan keperluan terkini bagi mengukuhkan lagi daya tahan perkhidmatan dan keselamatan siber.[27] Sepanjang tempoh peralihan ini, pihak industri memberikan tumpuan terhadap usaha mengurangkan serta menangani gangguan perkhidmatan dan memperkukuh komunikasi dengan pelanggan semasa berlakunya insiden gangguan perkhidmatan.

Pada separuh kedua tahun 2025, BNM telah melaksanakan semakan bersasar terhadap pelan kesinambungan perniagaan (*business*

[23] Antara insiden besar global melibatkan TPSP pada tahun 2025 ialah pencerobohan data yang menjejaskan persekitaran awan legasi Oracle, iaitu sebuah penyedia perisian pengurusan pangkalan data global, yang menyebabkan kebocoran jutaan rekod berkaitan pengesahan. Satu lagi TPSP iaitu Salesloft juga mengalami kebocoran data yang menyebabkan gangguan rantaian bekalan. Dalam insiden ini, penyerang siber mengeksploitasi integrasi TPSP tersebut dengan aplikasi chatbot jualan yang lazim digunakan bagi memperoleh akses tanpa kebenaran ke beberapa persekitaran awan. Insiden ini menjejaskan beberapa TPSP lain, lantas menjejaskan institusi kewangan yang bergantung pada perkhidmatan mereka.

[24] Pada tahun 2025, bank-bank berjaya membanteras kira-kira RM1.2 bilion penipuan transaksi berbanding dengan RM399 juta pada tahun 2024.

[25] Langkah-langkah ini termasuk pengesanan perisian hasad secara lanjut, penyekatan aplikasi berisiko, penguatkuasaan penggunaan peranti dan sistem pengendalian yang disokong, kemas kini keselamatan secara berkala serta pemeriksaan integriti sesebuah peranti.

[26] Apabila peranti pelanggan tidak dapat menyokong sistem pengendalian yang diperlukan, institusi kewangan perlu meningkatkan pemantauan terhadap pengguna peranti berkenaan, memperkukuh langkah-langkah membanteras perisian hasad dan melaksanakan sekatan fungsi yang wajar bagi mengurangkan risiko keselamatan.

[27] Keperluan ini merangkumi penetapan sasaran ketersediaan perkhidmatan yang dipertingkatkan bagi memenuhi jangkaan pelanggan yang lebih tinggi, pengurusan proaktif terhadap isu prestasi yang bersifat sementara (*intermittent*), pengukuhan penyelarasan dengan TPSP untuk memastikan tindak balas insiden yang berkesan serta mewujudkan protokol komunikasi bagi memastikan pelanggan dimaklumkan dan disokong secara berterusan apabila menghadapi gangguan perkhidmatan.

continuity plan, BCP) institusi kewangan untuk perkhidmatan penting yang melibatkan interaksi dengan pelanggan. Semakan ini menilai kewajaran langkah-langkah penyelesaian sementara dalam menangani kesan gangguan operasi dan memastikan kesinambungan perkhidmatan kepada pelanggan. Walaupun penilaian terhadap pengaturan pelan tersebut secara keseluruhannya didapati memadai, beberapa aspek yang memerlukan penambahbaikan telah dikenal pasti, antaranya:

- membangunkan dan mengukuhkan keupayaan pemulihan, khususnya melalui proses memodenkan sistem perbankan teras untuk memenuhi jangkaan orang ramai yang semakin tinggi terhadap ketersediaan perkhidmatan;
- mempertingkatkan tadbir urus dalaman serta melaksanakan pengurusan tindakan akibat kegagalan bagi mengukuhkan akauntabiliti serta memupuk budaya daya tahan operasi yang mantap;
- mempergiat usaha untuk mengenal pasti titik kegagalan tunggal, khususnya dalam perbankan dalam talian, Mesin Juruwang Automatik (Automated Teller Machines, ATM) dan pusat panggilan, berikutan peningkatan kebergantungan yang semakin rumit serta potensi implikasi sistemik; dan
- melaksanakan ujian BCP yang lebih menyeluruh bersama TPSP penting bagi menjamin kesinambungan perkhidmatan kewangan utama apabila berlakunya gangguan.

Beberapa bank tempatan utama telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk memperkukuh kesiapsiagaan krisis dengan membangunkan BCP yang khusus mengikut senario bagi menghadapi insiden seperti pencerobohan keselamatan siber, gangguan bekalan elektrik serta kegagalan infrastruktur teknologi maklumat (IT) penting. Usaha ini disokong oleh proses pelaporan dan tindakan yang berstruktur dengan tempoh masa yang ditetapkan secara jelas bagi mengurangkan kelewatan dalam penyelesaian insiden.

Melangkah ke tahun 2026, risiko siber kekal sebagai keutamaan bagi institusi kewangan berikutan ancaman siber yang semakin canggih serta kesan terhadap aspek operasi, prestasi kewangan serta reputasi.[28] Industri turut mengenal pasti risiko strategik dan organisasi sebagai risiko operasi utama berikutan perubahan model perniagaan dalam memenuhi keperluan pelanggan, persaingan yang lebih tinggi untuk mendapatkan tenaga kerja penting serta inovasi teknologi yang semakin pesat. Di samping itu, pematuhan pengawalseliaan kekal sebagai tumpuan utama bagi menyokong daya tahan institusi. Risiko operasi penting lain yang dikenal pasti bagi tahun 2026 termasuk gangguan IT, potensi kegagalan pelaksanaan akibat kesilapan manusia serta risiko yang berkaitan dengan peningkatan kebergantungan terhadap penyedia perkhidmatan luar (Gambar Rajah 1.1).

Memandangkan pentingnya institusi kewangan untuk mampu menghadapi gangguan yang berpotensi berlaku serta memastikan kesinambungan perkhidmatan kewangan, BNM telah menerbitkan Discussion Paper on Operational Resilience pada bulan Disember 2025 yang menggariskan pertimbangan pengawalseliaan utama dalam menentukan ketersediaan dan amalan daya tahan operasi sesebuah institusi kewangan. Kertas perbincangan ini menekankan keperluan bagi institusi kewangan mengekalkan keupayaan pengurusan risiko operasi yang mantap, disokong oleh teknologi dan pertahanan siber yang berdaya tahan dalam menangani serta mengawal gangguan dengan berkesan. Kertas perbincangan ini turut menggariskan kepentingan tadbir urus dan mekanisme akauntabiliti yang kukuh, dengan lembaga pengarah institusi kewangan berperanan mendorong hasil daya tahan operasi yang nyata dan mampan.

Pelbagai inisiatif utama sedang dijalankan untuk memastikan sistem pembayaran dan penyelesaian terus berdaya tahan.

Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) dan sistem pembayaran runcit (*retail payment systems*, RPS) utama kekal berdaya tahan dan mengekalkan tahap ketersediaan sistem yang tinggi pada separuh kedua tahun 2025, dengan beberapa insiden terpencil segera ditangani. Di samping pemantauan berterusan terhadap infrastruktur pembayaran utama, BNM telah melaksanakan semakan penyeliaan bersasar terhadap penyedia perkhidmatan pembayaran terpilih untuk menilai kecukupan dan keteguhan kawalan insiden penipuan,[29] keberkesanan pengurusan risiko IT dan siber serta kekukuhan amalan tatakelakuan. Semakan menunjukkan bahawa penyedia

[28] Berdasarkan Emerging Operational Risk Survey 2025/2026 yang dilaksanakan oleh BNM.

[29] Kawalan ini termasuk pelaksanaan lima langkah pencegahan penipuan utama yang dikehendaki oleh BNM untuk pengeluar wang elektronik yang layak, berkuat kuasa bulan Januari 2025. Langkah-langkah ini merangkumi pengesahan berbilang faktor yang kukuh, tempoh bertenang (*cooling-off*), pengesahan melalui satu peranti selamat, suis pemati (*kill switch*), serta penubuhan saluran aduan yang beroperasi selama 24 jam.

Gambar Rajah 1.1: Risiko Operasi Utama dan Tindakan Mitigasi



Keselamatan maklumat & risiko siber

- Penggunaan kawalan keselamatan siber utama seperti Pengesahan Pelbagai Faktor (*multi-factor authentication,* MFA), Pengurusan Akses Istimewa (Privileged Access Management, PAM), Pengesanan & Tindak Balas Titik Akhir (Endpoint Detection & Response, EDR) dan platform risikan ancaman bersepadu untuk meningkatkan ketahanan siber.
- Program kesedaran siber secara berkala termasuk simulasi pancingan data (*phishing*) untuk mengukuhkan kesediaan kakitangan.
- Prosedur tindak balas insiden yang dipertingkatkan, termasuk protokol pemakluman, komunikasi dan penyelesaian.



Pematuhan kawal selia & risiko ketelusan

- Analisis jurang kawal selia dan penilaian impak secara berkala untuk mengenal pasti jurang kawalan dan dasar.
- Latihan pematuhan yang bersasar untuk kakitangan yang selaras dengan keperluan kawal selia.
- Memperkukuh tadbir urus melalui pasukan petugas pematuhan, pengakusaksian formal dan libat urus kawal selia yang berterusan.



Risiko strategi/organisasi

- Keupayaan tenaga kerja dan kepimpinan yang selaras dengan keutamaan strategik yang berubah-ubah melalui penandaarasan, pembelajaran berterusan dan pembangunan kepimpinan.
- Pemodenan teknologi dan model operasi untuk menyokong transformasi perniagaan dan keperluan pelanggan yang berubah-ubah.
- Tadbir urus yang kukuh dan pengawasan bersilang fungsi terhadap perubahan dan pengurusan risiko seluruh perusahaan.



Risiko gangguan IT

- Penambahbaikan infrastruktur termasuk pelaksanaan pelbagai pusat data yang beroperasi sepenuhnya untuk meningkatkan ketersediaan dan daya tahan sistem.
- Pengujian pelan kesinambungan perniagaan/pelan pemulihan bencana (*business continuity plan/disaster recovery plan,* BCP/DRP) secara berkala untuk mengesahkan kesediaan pemulihan.
- Penggunaan seni bina berasaskan awan terkini yang membolehkan peluasan secara automatik, kemas kini sistem yang terkawal dan keselamatan yang telah diterapkan untuk meningkatkan kestabilan sistem.



Risiko kegagalan pelaksanaan & proses

- Semakan prosedur operasi standard (*standard operating procedure*, SOP) dan latihan kakitangan yang besasar secara berkala untuk mengurangkan kesilapan manusia dan kegagalan proses dalam operasi harian.
- Jaminan kualiti yang dipertingkatkan dan penggunaan alat analitik untuk mengesan isu sistemik.



Risiko pihak ketiga & penyumberan luar

- Pemantauan vendor yang dipertingkat melalui penunjuk prestasi utama (*key performance indicator,* KPI) dan pengesanan isu.
- Perlindungan kontrak yang lebih kukuh meliputi tahap perkhidmatan, penamatan dan strategi keluar.
- BCP dan pelan kontingensi untuk mengurangkan gangguan daripada kegagalan vendor, dengan komunikasi krisis yang diperkukuh semasa gangguan perkhidmatan.
- Ujian BCP secara bersama dengan penyedia perkhidmatan pihak ketiga (*third-party service provider*, TPSP) yang penting.

Sumber: Bank Negara Malaysia

perkhidmatan pembayaran di bawah kawal selia mengambil langkah-langkah proaktif untuk memperkukuh usaha pencegahan penipuan dan mematuhi keperluan pematuhan. Meskipun langkah pengurusan risiko IT dan siber serta amalan tatakelakuan secara keseluruhan dinilai mencukupi, keberkesanan fungsi tadbir urus dan pengawasan ke atas aspek-aspek ini boleh terus dipertingkatkan. Tindakan pemulihan yang diambil berikutan semakan penyeliaan telah meningkatkan tahap pematuhan, mengurangkan risiko operasi serta memperkukuh kecekapan dan kebolehpercayaan terhadap perkhidmatan pembayaran.

Seiring dengan peningkatan penggunaan transaksi e-pembayaran, pengurusan risiko kredit dan penyelesaian yang berkaitan dengan pembayaran runcit masa nyata menjadi semakin penting.

Bagi menangani risiko penyelesaian antara bank yang wujud dalam model penyelesaian bersih tertangguh (*deferred net settlement*), BNM telah memperkenalkan penyelesaian secara hampir masa nyata (*near real-time settlement*) bagi transaksi Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (Real-time Retail Payments Platform, RPP) melalui pelancaran RENTAS+ pada hujung bulan September 2025. Dengan ini, transaksi RPP diselesaikan melalui penyelesaian kasar secara hampir masa nyata, lantas mengurangkan dengan ketara risiko kredit dan penyelesaian antara bank dan pada masa yang sama memperkukuh keyakinan terhadap sistem pembayaran. Maklumat lanjut mengenai RENTAS+ boleh didapati dalam bab ‘‘Menggalakkan Perkhidmatan Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cekap’’ dalam Laporan Tahunan BNM 2025.

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

SEKTOR PERBANKAN

Kedudukan mudah tunai dan pendanaan bank-bank yang kukuh terus menyokong pengantaraan kewangan

Pada separuh kedua tahun 2025, keadaan mudah tunai dan pendanaan sistem perbankan kekal berdaya tahan terhadap kejutan mudah tunai. Agregat Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) (Rajah 2.1) dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR) (Rajah 2.2) kekal kukuh dan melebihi paras minimum pengawalseliaan, masing-masing pada 154.8% dan 115.7% pada akhir bulan Disember 2025 (Jun 2025: masing-masing 160.5% dan 115.7%). Selain baki mudah tunai di Bank Negara Malaysia (BNM), bank-bank terus mengekalkan pemegangan besar dalam bon dan sukuk kerajaan yang boleh dicagarkan untuk mendapatkan mudah tunai tambahan daripada pasaran antara bank atau BNM.

Rajah 2.1: Sistem Perbankan – Nisbah Perlindungan Mudah Tunai



Nota: 1. LCR MYR dikira berdasarkan aset mudah tunai berkualiti tinggi (*high-quality liquid assets,* HQLA) dan jangkaan aliran keluar tunai bersih dalam denominasi ringgit.
2. LCR keseluruhan dikira berdasarkan HQLA dan jangkaan aliran keluar tunai bersih dalam denominasi semua mata wang.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.2: Sistem Perbankan – Nisbah Pendanaan Stabil Bersih



Sumber: Bank Negara Malaysia

Setakat bulan Disember 2025, deposit sistem perbankan[1] meningkat sebanyak 4.5% tahun ke tahun (Jun 2025: 3.8%) (Rajah 2.3). Keadaan ini didorong terutamanya oleh pertumbuhan deposit berterusan daripada perniagaan (termasuk perusahaan awam bukan kewangan) dan individu pemastautin yang terus membentuk teras asas pendanaan mencakupi 73.3% (Jun 2025: 73.1%) daripada jumlah deposit. Institusi kewangan bukan bank (IKBB) dan kerajaan kekal menjadi penyumbang terbesar yang seterusnya, masing-masing pada 9.8% dan 6.4% (Jun 2025: masing-masing 8.9% dan 7.2%). Deposit tetap (termasuk Murabahah Komoditi) terus menyokong kestabilan struktur pendanaan bank-bank yang mencakupi lebih separuh jumlah deposit sistem perbankan (50.7%; Jun 2025: 51.4%; purata 2015–2019: 51.7%) (Rajah 2.4).

[1] Deposit sistem perbankan merujuk deposit daripada individu, perniagaan, IKBB, kerajaan dan institusi perbankan pemastautin serta bukan pemastautin. Mulai Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM untuk Separuh Pertama 2025, deposit sistem perbankan tidak termasuk perjanjian pembelian semula. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.

Rajah 2.3: Sistem Perbankan – Sumbangan kepada Pertumbuhan Deposit Diterima



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.4: Sistem Perbankan – Komposisi Deposit Diterima Mengikut Jenis



Sumber: Bank Negara Malaysia

Persaingan bermusim deposit pada akhir tahun adalah lebih sederhana berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya memandangkan bank-bank telah mempelbagaikan sumber pendanaan secara proaktif. Penurunan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada Julai 2025 turut menyumbang kepada pelonggaran kos pendanaan bank-bank. Mencerminkan perkembangan ini, purata berwajaran kos dana menurun kepada 2.54% pada Disember 2025 (Jun 2025: 2.75%) (Rajah 2.5).

Rajah 2.5: Sistem Perbankan – Purata Berwajaran Kos Deposit, Purata Berwajaran Kos Dana dan OPR



Sumber: Bank Negara Malaysia

Secara keseluruhan, bank-bank kekal berada pada kedudukan yang baik untuk menyokong pengantaraan kredit. Risiko pendanaan dan mudah tunai kekal terkawal dengan disokong oleh pengurusan mudah tunai yang berhemat dan sumber pendanaan yang pelbagai.

Risiko daripada hutang luar negeri bank-bank kekal terhad

Hutang luar negeri bank tempatan meningkat sedikit pada separuh kedua tahun 2025 kepada RM299.1 bilion (Jun 2025: RM297 bilion). Termasuk hutang luar negeri bank-bank yang beroperasi di Labuan International Business and Financial Centre (LIBFC), jumlah keseluruhan hutang luar negeri bank-bank adalah RM451.3 bilion (Jun 2025: RM448 bilion) (Rajah 2.6). Peningkatan sederhana ini didorong terutamanya oleh bank-bank tempatan, mencerminkan peminjaman antara bank yang lebih tinggi daripada rakan niaga berkaitan. Dedahan sedemikian secara amnya membawa risiko pelanjutan (*rollover risk*) yang lebih rendah berbanding dengan peminjaman daripada rakan niaga luar negeri yang tidak berkaitan. Peningkatan keseluruhan hutang luar negeri bank-bank sebahagiannya diimbangi oleh keuntungan daripada penilaian semula pertukaran asing (*foreign exchange*, FX) berikutan penambahan nilai ringgit berbanding dolar AS sepanjang tempoh tersebut.

Rajah 2.6: Hutang Luar Negeri Bank-bank – Mengikut Instrumen



Nota: Hutang luar negeri bank-bank dalam konteks ini merujuk hutang luar negeri DBG, LIFB dan bank-bank di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (LIBFC).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.7: Hutang Luar Negeri FCY Berisiko dan Aset Mudah Tunai FCY Bank-bank



Nota: Aset mudah tunai terdiri daripada tunai dan setara tunai, sekuriti hutang tidak dihalang *(unencumbered)* dan penempatan antara bank.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.8: Sistem Perbankan – Kedudukan Terbuka Bersih FX dan USD



Sumber: Bank Negara Malaysia

Risiko pendanaan dan mudah tunai berkaitan dengan hutang luar negeri bank-bank kekal terkawal. Setakat bulan Disember 2025, dana yang diperoleh daripada rakan niaga luar negeri mencakupi hanya 7.8% daripada jumlah liabiliti dan ekuiti sistem perbankan. Hal ini menunjukkan kebergantungan yang terhad bank-bank terhadap sumber luar untuk menyokong keperluan pendanaan mereka. Hutang luar negeri berisiko dalam mata wang asing (*foreign currency*, FCY)[2] juga kekal mempunyai penampan yang baik. Bank-bank terus memegang aset mudah tunai FCY yang besar berjumlah RM237.9 bilion (Jun 2025: RM246 bilion) yang menyediakan perlindungan sehingga 2.9 kali ganda tahap hutang luar negeri berisiko FCY (Rajah 2.7).

Bank-bank terus mengurus dedahan kepada risiko FX secara berhemat seperti yang dicerminkan dalam kedudukan terbuka bersih FX (FX *net open position*, FX NOP) keseluruhan dan USD NOP yang kecil yang masing-masing berada pada 3.9% (Jun 2025: 4.4%; purata 2020–2022: 4.2%) dan 2.2% (Jun 2025: 2.6%; purata 2020–2022: 3%) daripada jumlah modal (Rajah 2.8).

Kualiti aset sistem perbankan kekal kukuh

Walaupun sebahagian kecil peminjam perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menghadapi kesukaran untuk membayar balik hutang mereka, nisbah pinjaman terjejas kasar kekal stabil pada 1.4% setakat bulan Disember 2025 (Jun 2025: 1.4%) (Rajah 2.9). Sementara itu, jumlah pinjaman Tahap 2 menurun kepada 6.1% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan (Jun 2025: 6.6%; purata 2018–2019: 7.6%) (Rajah 2.10), sebahagian besarnya mencerminkan peningkatan taraf

[2] Hutang luar negeri berisiko bank-bank terdiri daripada deposit institusi kewangan, peminjaman antara bank dan pinjaman jangka pendek daripada rakan niaga bukan pemastautin yang tidak berkaitan, yang dianggap lebih terdedah kepada kejutan pengeluaran secara mendadak.

Rajah 2.9: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.10: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Tahap 2



Sumber: Bank Negara Malaysia

beberapa dedahan korporat kepada pinjaman Tahap 1.[3] Pinjaman yang baru distruktur semula dan dijadualkan semula (*restructured and rescheduled*) sepanjang tempoh separuh kedua tahun 2025 kekal kecil pada 0.19% daripada jumlah pinjaman bank-bank (ST1 2025: 0.18%) yang menunjukkan bahawa risiko kemerosotan kualiti aset kekal terkawal.

Walaupun bayaran balik pinjaman kekal stabil, bank-bank terus mengamalkan peruntukan yang berhemat. Nisbah perlindungan kerugian pinjaman sistem perbankan (termasuk rizab pengawalseliaan) kekal tinggi pada 127.2% (Jun 2025: 130.4%) (Rajah 2.11). Peruntukan pertimbangan pengurusan (*management overlay*)[4] yang telah dikurangkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini selepas terkumpul semasa pandemik COVID-19, kekal tidak berubah sejak bulan Jun 2025 pada 23% sebagai sebahagian peruntukan jangkaan kerugian kredit (*expected credit loss*, ECL) untuk pinjaman. Tahap peruntukan yang berterusan, bersama-sama dengan kutipan semula pinjaman yang lebih tinggi pada separuh kedua tahun 2025 telah menyumbang kepada kos kredit tahunan yang lebih rendah sebanyak 10 mata asas (Jun 2025: 14 mata asas) (Rajah 2.12).

Rajah 2.11: Sistem Perbankan – Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman (Termasuk Rizab Pengawalseliaan)



Sumber: Bank Negara Malaysia

[3] Berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9), dedahan kredit dikelaskan kepada tiga tahap mengikut kualiti kredit. Tahap 1 merujuk dedahan yang tidak mengalami peningkatan risiko kredit yang ketara sejak pengiktirafan awal yang menghendaki bank-bank memberikan peruntukan berdasarkan jangkaan kerugian kredit (*expected credit loss*, ECL) 12 bulan. Tahap 2 merujuk dedahan yang telah menunjukkan peningkatan risiko kredit yang ketara yang memerlukan peruntukan berdasarkan ECL seumur hidup. Tahap 3 merujuk dedahan yang menunjukkan penjejasan kredit yang juga memerlukan peruntukan berdasarkan ECL seumur hidup.

[4] Pertimbangan pengurusan ialah peruntukan tambahan yang disediakan selain peruntukan yang dianggarkan oleh model ECL. Peruntukan ini mencerminkan pelarasan untuk mengambil kira kekurangan data atau ketidakpastian yang tidak dapat ditentukan sepenuhnya oleh model ECL.

Rajah 2.12: Sistem Perbankan – Nisbah Kos Kredit Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keuntungan bank-bank kekal disokong oleh pendapatan faedah

Keuntungan bank-bank kekal kukuh dan terus disokong oleh pendapatan faedah pada separuh kedua tahun 2025 (Rajah 2.13). Berikutan penurunan OPR pada bulan Julai 2025, margin faedah bersih (*net interest margins*, NIM) menurun apabila pengurangan pendapatan faedah atas pinjaman melebihi penurunan kos pendanaan. Selepas pelonggaran sehingga bulan September 2025, NIM kemudiannya stabil kepada 1.99% pada bulan Disember 2025 (Jun 2025: 2.01%; purata 2015–2019: 2.11%). Hal ini disokong oleh perbelanjaan faedah yang lebih rendah atas deposit apabila deposit tetap yang telah matang diperbaharui pada kadar faedah semasa yang lebih rendah. Keuntungan disokong selanjutnya oleh pendapatan perdagangan dan pelaburan yang berjumlah RM7.6 bilion pada separuh kedua tahun 2025 (ST1 2025: RM8.3 bilion).

Selaras dengan perolehan yang mampan, pulangan atas aset (*return on assets,* ROA) dan ekuiti (*return on equity,* ROE) sistem perbankan kekal stabil, masing-masing pada 1.5% dan 13.1% setakat bulan Disember 2025 (Jun 2025: masing-masing 1.5% dan 13.8%).[5] Penilaian pasaran bank-bank yang tersenarai seperti yang diukur mengikut nisbah harga kepada nilai buku (*price-to-book,* P/B) dan nisbah harga kepada perolehan (*price-to-earning,* P/E) kekal selaras dengan asas (Rajah 2.14). Pada masa hadapan, keuntungan bank-bank dijangka terus disokong oleh pendapatan faedah yang mampan, didorong oleh kualiti aset yang kukuh, pertumbuhan kredit yang berterusan dan prospek ekonomi dalam negeri yang positif. Walau bagaimanapun, prospek ini bergantung pada ketidakpastian berhubung dengan kesan konflik di Timur Tengah serta tarif perdagangan terhadap ekonomi dan kewangan Malaysia.

Rajah 2.13: Sistem Perbankan – Pendapatan, Kos dan Keuntungan sebelum Cukai



Nota: 1. Pertumbuhan tahunan dikira berdasarkan angka-angka untuk ST2 2024 dan ST2 2025.
2. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.14: Sistem Perbankan – Nisbah Harga kepada Nilai Buku dan Nisbah Harga kepada Perolehan Bank Tersenarai di Pasaran Saham Malaysia



Nota: Merujuk kepada median nisbah kumpulan perbankan domestik (*domestic banking group*, *DBG*) di Malaysia.

Sumber: Bloomberg

[5] ROA dan ROE dikira menggunakan keuntungan sebelum cukai. Dengan menggunakan keuntungan selepas cukai, ROE berada pada 10.2% (Jun 2025: 10.8%).

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh

Nisbah jumlah modal sistem perbankan kekal kukuh pada 18.1% daripada jumlah aset berwajaran risiko (Jun 2025: 18.2%), dengan lebihan penampan modal berjumlah RM139.3 bilion (Jun 2025: RM138.9 bilion) (Rajah 2.15). Strategi pengekalan modal termasuk program pelaburan semula dividen terus menyokong pengekalan penampan modal yang kukuh. Penampan ini memperkukuh keupayaan bank-bank untuk meneruskan pemberian pinjaman, khususnya dalam persekitaran semasa apabila perniagaan dan isi rumah terus menghadapi tekanan kos yang tinggi. Kedudukan modal yang kukuh juga membolehkan bank menghadapi kejutan yang tidak dijangka seperti yang dicatatkan dalam pelaksanaan ujian tekanan BNM baru-baru ini.[6]

Rajah 2.15: Sistem Perbankan – Permodalan



Nota: Lebihan jumlah modal merujuk kepada jumlah modal yang melebihi keperluan minimum pengawalseliaan termasuk keperluan penampan pengekalan modal 2.5% serta keperluan minimum bank tertentu yang lebih tinggi.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Risiko penularan daripada operasi luar negeri kumpulan perbankan domestik kekal terhad

Secara keseluruhan, operasi luar negeri kumpulan perbankan domestik (*domestic banking group*, DBG) kekal menguntungkan pada separuh kedua tahun 2025 (Rajah 2.16). Keuntungan terus didorong terutamanya oleh operasi di Singapura yang mencakupi 54% daripada aset operasi luar negeri (Rajah 2.17), disokong oleh pendapatan

Rajah 2.16: Sistem Perbankan – Pulangan atas Ekuiti Operasi Luar Negeri Mengikut Negara



Nota: 1. Purata pulangan atas ekuiti keseluruhan diberikan wajaran berdasarkan saiz aset operasi luar negeri terpilih.
2. Purata pulangan atas ekuiti diberikan wajaran berdasarkan saiz operasi luar negeri setiap kumpulan perbankan domestik mengikut negara.
3. Pulangan atas ekuiti negatif bagi operasi di Thailand adalah disebabkan oleh asas ekuiti kecil dikaitkan dengan satu operasi kecil yang hanya menyumbang kira-kira 0.1% daripada jumlah gabungan aset DBG.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.17: Sistem Perbankan – Profil Aset Operasi Luar Negeri Utama



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

faedah bersih dan bukan faedah yang berterusan. Yang ketara, operasi di Thailand mencatatkan purata ROE positif sebanyak 3.5% (Jun 2025: -19.5%) yang menandakan pencapaian semula keuntungan selepas kerugian selama kira-kira dua tahun yang didorong oleh kos kredit yang tinggi daripada peminjam bukan runcit.

Kualiti aset bagi keseluruhan operasi luar negeri bertambah baik dengan nisbah pinjaman terjejas kasar menurun kepada 1.9% (Jun 2025: 2%) (Rajah 2.18). Keadaan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh operasi di Indonesia berikutan hapus kira dan prestasi bayaran balik pinjaman yang lebih baik, lantas membuahkan hasil kualiti aset yang lebih baik. Risiko mudah tunai dan pendanaan kekal terhad berikutan

[6] Rujuk bahagian "Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan" untuk butiran lanjut berkenaan ujian tekanan.

operasi-operasi utama di luar negeri terus dibiayai terutamanya oleh deposit pelanggan yang stabil (Rajah 2.19). Kedudukan modal bagi keseluruhan anak syarikat DBG di luar negeri kekal kukuh, seperti yang dicerminkan oleh purata nisbah jumlah modal sebanyak 18.8% setakat bulan Disember 2025 (Jun 2025: 18.6%). Meskipun terdapat volatiliti dalam pasaran ekuiti Indonesia baru-baru ini, operasi DBG di Indonesia terus disokong oleh penampan modal yang kukuh dengan purata nisbah jumlah modal sebanyak 22.3% setakat bulan Disember 2025 (Jun 2025: 21.5%). Risiko kesan limpahan kepada bank-bank induk di Malaysia dijangka terhad kerana operasi di Indonesia hanya menyumbang kira-kira 7% daripada jumlah gabungan aset bank-bank induk.

Rajah 2.18: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar Operasi Luar Negeri



Nota: Purata nisbah pinjaman terjejas kasar diberikan wajaran berdasarkan saiz aset operasi luar negeri terpilih.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.19: Sistem Perbankan – Profil Pendanaan Operasi Luar Negeri Utama



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

SEKTOR INSURANS DAN TAKAFUL

Keuntungan keseluruhan dana insurans dan takaful menurun, didorong oleh aktiviti pengunderaitan yang lebih lemah, meskipun prestasi pelaburan ekuiti lebih baik

Keuntungan dana insurans hayat dan takaful keluarga, seperti yang diukur melalui lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan (*excess income over outgo*, EIOO),[7] secara keseluruhannya menurun sedikit kepada RM4.6 bilion pada separuh kedua tahun 2025 (ST1 2025: RM4.8 bilion) (Rajah 2.20). Keuntungan bersih belum direalisasikan yang lebih tinggi berikutan pemulihan dalam pasaran ekuiti diimbangi oleh peningkatan yang lebih ketara dalam kerugian pengunderaitan bersih, yang meningkat kepada RM3.6 bilion (ST1 2025: RM0.9 bilion; ST2 2024: RM3.2 bilion). Peningkatan dalam kerugian pengunderaitan bersih ini sebahagiannya didorong oleh faktor bermusim seperti premium yang lebih rendah daripada pembaharuan polisi kumpulan, yang lazimnya berlaku pada separuh pertama tahun.

Rajah 2.20: Dana Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Komposisi Pendapatan dan Perbelanjaan



a Awalan

Nota: 1. Data tidak termasuk dana unit berkaitan pelaburan.
2. Pendapatan pengunderaitan bersih merujuk lebihan premium bersih selepas ditolak bayaran manfaat, imbuhan agensi dan perbelanjaan pengurusan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Selain itu, pendapatan premium terus terjejas oleh langkah-langkah interim yang dilaksanakan oleh industri insurans dan takaful bagi membantu individu yang mengalami semakan semula premium polisi/sijil insurans/takaful perubatan dan kesihatan (*medical and health insurance/ takaful*, MHIT).[8] Kerugian pengunderaitan bersih turut meningkat berikutan bayaran tuntutan perubatan yang lebih tinggi berjumlah RM6.5 bilion (ST1 2025: RM5.7 bilion; ST2 2024: RM6.2 bilion) disebabkan oleh peningkatan kemasukan ke hospital. Berbanding dengan separuh pertama tahun 2025, kemasukan ke hospital meningkat bagi polisi perubatan individu dan kumpulan berikutan lonjakan kes penyakit pernafasan seperti influenza. Peningkatan insiden keadaan perubatan yang serius dan prosedur pembedahan turut menyumbang kepada peningkatan penggunaan perubatan secara keseluruhan.

Premium perniagaan baharu[9] pada separuh kedua tahun 2025 meningkat sebanyak 1.6% tahun ke tahun (ST2 2024: 4.6%; ST2 2023: 6.8%) (Rajah 2.21). Keadaan ini disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam premium perniagaan baharu untuk produk berkaitan pelaburan (*investment-linked*, IL). Jualan produk IL dengan perlindungan MHIT terus terjejas akibat sentimen kurang memberangsangkan berkaitan MHIT. Minat terhadap produk IL juga menurun, mencerminkan kesanggupan

Rajah 2.21: Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Pertumbuhan Premium Perniagaan Baharu dan Komposisi Produk



a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

[7] EIOO tidak mengambil kira perubahan dalam rizab yang perlu diketepikan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful untuk menampung tuntutan insurans/takaful masa hadapan.

[8] Salah satu langkah ialah pelaksanaan pelarasan premium yang diagihkan (*spread out*) sepanjang tempoh minimum tiga tahun untuk amalan penetapan harga semula yang dilaksanakan antara tahun 2024 dan 2026.

[9] Merujuk premium insurans dan sumbangan takaful, melainkan dinyatakan sebaliknya.

yang lebih lemah terhadap pelaburan dalam keadaan ketidakpastian pasaran kewangan dan persaingan daripada produk simpanan alternatif. Walaupun berhadapan tekanan tersebut, premium perniagaan baharu secara keseluruhan kekal disokong oleh sumbangan yang stabil daripada segmen insurans hayat bukan sertaan dan takaful keluarga biasa.

Sebagai sebahagian daripada Strategi RESET yang sedang dilaksanakan bagi menangani inflasi perubatan serta memperkukuh sistem penjagaan kesihatan di Malaysia, BNM, dengan kerjasama Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan dan pihak berkepentingan utama yang lain, telah menerbitkan Kertas Putih mengenai Pelan MHIT Asas pada bulan Januari 2026.[10] Kertas Putih tersebut memperincikan reka bentuk pelan perlindungan perubatan yang diseragamkan dan bersifat sukarela, bertujuan untuk meningkatkan tahap kemampuan, ketelusan serta kemampanan jangka panjang insurans dan takaful perubatan swasta di Malaysia. Pelaksanaan Pelan MHIT Asas dijangka bermula dengan fasa perintis pada separuh kedua tahun 2026, manakala pelancaran penuh di pasaran disasarkan pada awal tahun 2027. Maklumat lanjut mengenai Strategi RESET dan Pelan MHIT Asas boleh dibaca dalam bahagian "Memangkinkan Pembaharuan Struktur Bagi Insurans/Takaful Perubatan dan Kesihatan" dalam Laporan Tahunan BNM 2025.

Keuntungan operasi penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO) dalam sektor insurans dan takaful am kekal stabil pada RM1.9 bilion pada separuh kedua tahun 2025 (ST1 2025: RM1.9 bilion; ST2 2024: RM1.9 bilion) (Rajah 2.22). Walaupun prestasi pelaburan bon lebih lemah, keuntungan keseluruhan dikekalkan oleh pendapatan pengunderaitan bersih yang stabil. Peningkatan kecil dalam keuntungan pengunderaitan didorong terutamanya oleh pelepasan rizab tuntutan, disokong oleh penyelesaian tuntutan kecederaan pihak ketiga yang lebih tinggi oleh ITO sektor am. Industri ini juga mencatatkan pertumbuhan dalam premium motor berikutan jualan kenderaan yang lebih tinggi pada separuh kedua tahun 2025 (Rajah 2.23), disokong sebahagiannya oleh permintaan yang dilakukan lebih awal bagi kenderaan elektrik siap bina sepenuhnya (*completely built-up,* CBU) menjelang tamatnya tempoh pengecualian cukai pada bulan Disember 2025. ITO am terus menunjukkan komitmen yang kukuh dalam menunaikan kewajipan mereka di bawah inisiatif bantuan tepi jalan digital (*digital roadside assistance*) selari dengan pembukaan permohonan Fasa 2B[11] liberalisasi berperingkat untuk tarif motor dan kebakaran.[12] Penambahbaikan ini bertujuan meningkatkan lagi pengalaman dan hasil tuntutan motor untuk pengguna dari masa ke masa. Meskipun dengan peralihan yang berterusan ini, nisbah tuntutan bersih yang

Rajah 2.22: Dana Insurans dan Takaful Am – Komposisi Keuntungan Operasi



a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.23: Sektor Insurans dan Takaful Am – Pertumbuhan Premium Langsung Kasar dan Komposisi Produk



a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

[10] Rujuk "Kertas Putih mengenai Pelan MHIT Asas" untuk maklumat lanjut.

[11] ITO yang komited kepada pembaharuan untuk menambah baik ekosistem tuntutan motor akan diberi fleksibiliti harga yang lebih besar untuk produk insurans/takaful motor dan kebakaran secara beransur-ansur dalam dua fasa iaitu Fasa 2A, diikuti oleh Fasa 2B. Setiap fasa membenarkan penyelarasan terhadap had premium/sumbangan takaful secara berperingkat.

[12] Rujuk bahagian "Memajukan Pembaharuan dalam Ekosistem Insurans dan Takaful Motor" dalam Laporan Tahunan BNM 2025 untuk butiran lanjut.

ditanggung[13] bagi segmen motor kekal stabil pada separuh kedua tahun 2025 sebanyak 68.0% (ST1 2025: 70.3%; ST2 2024: 69.0%).

Sektor insurans dan takaful kekal berdaya tahan, disokong oleh kedudukan modal dan mudah tunai yang kukuh. Nisbah kecukupan modal agregat untuk industri kekal kukuh sebanyak 225% pada separuh kedua tahun 2025 (Jun 2025: 223%), melebihi paras minimum pengawalseliaan pada 130% (Rajah 2.24). Sehubungan dengan itu, penampan modal agregat yang melebihi keperluan pengawalseliaan juga kekal kukuh pada RM43.8 bilion (Jun 2025: RM41.8 bilion).

Rajah 2.24: Sektor Insurans dan Takaful – Nisbah Kecukupan Modal



a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada masa hadapan, prestasi pelaburan ITO akan kekal sensitif terhadap keadaan pasaran kewangan berikutan ketidakpastian ekonomi dan dasar global, termasuk daripada konflik Timur Tengah baru-baru ini. Konflik tersebut juga boleh mencetuskan gangguan rantaian bekalan yang mungkin melemahkan prestasi pengunderaitan ITO dengan meningkatkan kos tuntutan.

Meskipun pengembangan infrastruktur pusat data mendorong keperluan perlindungan insurans yang lebih meluas, pertumbuhan ini berlaku berlatarkan persekitaran risiko iklim yang semakin meningkat. Peristiwa iklim yang semakin kerap dan tidak dapat diramalkan boleh meningkatkan volatiliti tuntutan serta memerlukan amalan pengurusan risiko dan pengunderaitan yang lebih menyeluruh. Sementara itu, pertumbuhan dalam premium perniagaan baharu mungkin akan terjejas oleh kebimbangan umum yang berterusan berhubung dengan produk MHIT. Berlatarkan tekanan ini, ITO sedang giat melaksanakan Strategi RESET untuk meletakkan MHIT pada landasan yang lebih mampan serta membangunkan penawaran produk baharu yang disasarkan pada segmen pasaran yang khusus. Meskipun terdapat pelbagai rintangan, ITO dijangka kekal berdaya tahan, dengan penampan modal yang baik dan melebihi keperluan pengawalseliaan.[14]

Mulai tahun 2026, BNM akan melaksanakan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 17 (Malaysian Financial Reporting Standard, MFRS 17) dalam rangka kerja pelaporan pengawalseliaannya. Maklumat yang diperoleh daripada piawaian ini akan dimasukkan secara progresif dalam penilaian kehematan untuk ITO. Peralihan ini dijangka mengukuhkan pelarasan dengan piawaian perakaunan semasa dan pada masa yang sama mengukuhkan rangka kerja penyeliaan untuk menyokong mandat kestabilan kewangan BNM yang lebih meluas. Sepanjang tempoh pelaksanaan, BNM akan terus bekerjasama rapat dengan peserta industri dan pihak berkepentingan utama yang lain bagi memastikan penggabungan maklumat dan penunjuk pelengkap baharu yang lancar dan berkesan dalam penilaian penyeliaan.

[13] Nisbah tuntutan bersih yang ditanggung merujuk nisbah tuntutan bersih yang ditanggung kepada pendapatan premium yang diperoleh.

[14] Rujuk bahagian "Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan" untuk maklumat lanjut.

MENILAI DAYA TAHAN INSTITUSI KEWANGAN

Ujian tekanan kekal sebagai elemen teras dalam rangka kerja pengawasan kestabilan kewangan BNM. Setiap tahun, BNM menjalankan ujian tekanan kesolvenan makro berbilang tahun menggunakan pendekatan dari atas ke bawah (*top-down*) untuk menilai potensi kesan keadaan makroekonomi, kewangan dan mudah tunai yang buruk dan berlarutan terhadap bank-bank, penanggung insurans serta sistem kewangan yang lebih meluas. Selaras dengan Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM sebelum ini, ujian tekanan kesolvenan makro terkini menggunakan dua senario buruk selama tiga tahun daripada awal tahun 2026 hingga akhir tahun 2028. Senario ini direka untuk menggambarkan kemelesetan yang mendadak tetapi bersifat sementara dalam keadaan ekonomi, serta kemelesetan yang lebih sederhana namun berlarutan, mencerminkan laluan tekanan berbeza yang boleh menjejaskan kualiti kredit, keberuntungan dan penampan modal merentas sektor perbankan dan insurans. Senario ini tidak menggambarkan unjuran prospek ekonomi Malaysia, tetapi sebaliknya menggambarkan peristiwa risiko munasabah yang bertujuan untuk menguji daya tahan institusi kewangan di bawah kejutan yang ekstrem dan boleh terjadi.

Senario kejutan yang mendalam tetapi bersifat sementara (senario buruk 1, SB1) melibatkan penguncupan mendadak dalam kegiatan ekonomi dalam negeri pada tahun 2026 diikuti dengan pemulihan pesat pada tahun 2027 serta kadar KDNK yang kembali pada paras yang sewajarnya selepas itu. Dalam senario kemelesetan sederhana tetapi lebih berpanjangan (SB2), keadaan ini mempunyai ciri penguncupan yang lebih perlahan tetapi berpanjangan pada tahun 2026 dan 2027 sebelum keadaan ekonomi pulih secara beransur-ansur pada awal tahun 2028. Bagi kedua-dua senario, laluan KDNK disesuaikan antara keadaan buruk yang diperhatikan semasa Krisis Kewangan Asia dan pandemik COVID-19. Andaian utama dan parameter kejutan yang digunakan dalam SB1 dan SB2 diringkaskan dalam Jadual 2.1.

Kejutan makroekonomi dan kewangan ini secara amnya selaras dengan yang digunakan dalam ujian pada tahun 2025.[15] Tahap keseriusan andaian di bawah SB1 dan SB2 mencerminkan peningkatan penghindaran risiko global yang timbul daripada risiko geopolitik yang menyumbang kepada tekanan inflasi yang tinggi melalui gangguan rantaian bekalan serta kenaikan harga komoditi berikutan ketidakpastian perdagangan global. Dalam pasaran kewangan domestik, kadar hasil bon diandaikan meningkat secara mendadak, dengan peningkatan momentum untuk tempoh yang lebih lama di bawah SB2. Prestasi pasaran ekuiti juga diandaikan menjadi lemah, dengan FBM KLCI kehilangan kira-kira satu pertiga daripada nilainya di bawah kedua-dua senario. Indeks yang pulih secara lebih mendadak diunjurkan dari awal tahun 2027 di bawah SB1 manakala pemulihan kekal lebih beransur-ansur di bawah SB2. Ringgit diandaikan menurun nilai berbanding dolar AS melepasi paras terendah yang pernah dicatatkan di bawah kedua-dua senario, dengan pelarasan yang

Jadual 2.1: Ujian Tekanan Makro – Andaian Utama dan Parameter Kejutan Diamalkan di Bawah Senario Buruk yang Diandaikan

Andaian Utama	SB1	SB2
Pertumbuhan KDNK tahunan	Sehingga -6.0%	Sehingga -3.5%
Kadar pengangguran tahunan	Sehingga 5.4%	Sehingga 6.0%
Kejutan risiko pasaran - Peningkatan hasil bon MGS 10 tahun - Peningkatan hasil bon korporat AAA 10 tahun - Penurunan FBM KLCI	 Sehingga 300 mata asas Sehingga 420 mata asas Sehingga 30%	 Sehingga 270 mata asas Sehingga 370 mata asas Sehingga 30%
Kenaikan OPR[1]	Sehingga 100 mata asas	Sehingga 100 mata asas
Penurunan nilai MYR berbanding USD	Sehingga 30%	Sehingga 20%
Inflasi keseluruhan suku tahunan[2]	Sehingga 7.5%	Sehingga 5.4%

[1] Andaian kenaikan OPR, dalam keadaan tertentu, mungkin tidak selaras dengan senario makroekonomi tetapi diandaikan untuk mengambil kira potensi risiko penurunan.
[2] Andaian untuk inflasi keseluruhan suku tahunan mencerminkan tekanan daripada kejutan global yang boleh menyebabkan peningkatan harga komoditi, khususnya tenaga, serta menyebabkan nilai ringgit menurun.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[15] Rujuk ujian tekanan kesolvenan makro yang diterbitkan dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM bagi Separuh Kedua Tahun 2024.

lebih besar berlaku pada tahun 2026 di bawah SB1. Inflasi keseluruhan diunjurkan meningkat, lantas menyebabkan kenaikan OPR dalam kedua-dua senario meskipun dalam persekitaran kemelesetan.

Ujian tekanan menggunakan andaian konservatif yang mengutamakan risiko penurunan berbanding dengan aspek koheren yang ketat dengan senario makroekonomi yang lebih meluas. OPR yang lebih tinggi diandaikan dapat menjejaskan keupayaan membayar balik hutang oleh peminjam tanpa memberikan sebarang peningkatan yang sejajar pada keuntungan bank. Bagi menggambarkan potensi kesan terhadap keyakinan, bank-bank yang menunjukkan kelemahan kewangan yang berpanjangan semasa tempoh tekanan juga dinilai dengan kejutan mudah tunai tambahan yang timbul daripada aliran keluar deposit yang buruk. Rangka kerja pemodelan juga menggabungkan andaian kemungkiran silang yang ketat apabila peminjam bukan PKS yang gagal dalam simulasi dianggap akan mencetuskan kemungkiran dalam seluruh kumpulan perniagaan tanpa mengambil kira kekukuhan kedudukan kewangan mana-mana ahli kumpulan korporat. Andaian konservatif yang serupa mengenai kemungkiran silang juga digunakan terhadap peminjam isi rumah iaitu kemungkiran diandaikan berlaku merentas semua kemudahan pinjaman. Tiada penambahbaikan dalam tahap pinjaman diandaikan pada tempoh tekanan, meskipun keupayaan peminjam membayar balik hutang bertambah baik kemudiannya. Selain itu, ujian ini tidak menggunakan sebarang intervensi dasar atau langkah-langkah sokongan untuk peminjam atau institusi kewangan yang menghadapi kesukaran. Unjuran kerugian daripada operasi luar negeri yang penting oleh kumpulan perbankan domestik (*domestic banking groups*, DBG) juga diambil kira untuk memastikan penilaian yang komprehensif terhadap kelemahan seluruh kumpulan. Untuk tujuan ini, parameter kejutan akan disesuaikan untuk mencerminkan keadaan dalam persekitaran negara tuan rumah.

Institusi kewangan mencerminkan daya tahan kewangan yang kukuh meskipun di bawah simulasi kejutan yang teruk.

Di bawah keadaan makroekonomi yang teruk yang diandaikan dalam senario tekanan, sistem perbankan Malaysia dijangka kekal berdaya tahan. Sepanjang tempoh ujian tekanan selama tiga tahun, sistem perbankan diunjurkan menanggung kerugian besar disebabkan terutamanya oleh risiko kredit yang lebih tinggi serta pelarasan penilaian terhadap sekuriti yang dikelaskan sebagai nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (*fair value through other comprehensive income*, FVOCI). Kos kredit kumulatif dianggarkan masing-masing sebanyak RM78.9 bilion dan RM90.6 bilion di bawah SB1 dan SB2 (masing-masing bersamaan dengan 59% dan 63% daripada jumlah kerugian) (Rajah 2.25). Anggaran peningkatan

Rajah 2.25: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Pendorong Kerugian Kredit Kumulatif di Bawah Senario Buruk 2



u Unjuran

Note: 1. (…) merujuk % daripada kos kredit kumulatif keseluruhan.
2. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

kerugian kredit ini berpunca daripada peningkatan kemungkiran dalam kalangan peminjam isi rumah, khususnya daripada pinjaman terjejas dalam segmen pinjaman harta tanah kediaman. Beberapa syarikat besar yang mempunyai kelemahan kewangan sedia ada juga diunjurkan mungkir manakala kelemahan ekonomi yang berpanjangan terus menjejaskan keupayaan membayar balik hutang oleh PKS. Kerugian kredit daripada operasi luar negeri DBG dijangka mencakupi 24.5% daripada jumlah kos kredit, didorong terutamanya oleh kemungkiran yang melibatkan beberapa peminjam bukan PKS yang besar. Sementara itu, unjuran kenaikan mendadak dan pantas dalam kadar hasil bon dijangka mengakibatkan kerugian penilaian semula yang ketara terhadap pegangan bon FVOCI bank-bank. Anggaran kerugian ini masing-masing berjumlah RM53.6 bilion dan RM49.7 bilion di bawah SB1 dan SB2 (atau masing-masing 40% dan 35% daripada jumlah kerugian di bawah SB1 dan SB2) (Rajah 2.26). Pelarasan penilaian secara langsung mengurangkan penampan modal sistem perbankan pada sepanjang tempoh ujian. Sebaliknya, kerugian risiko pasaran daripada sekuriti yang dikelaskan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi (*fair value through profit or loss*, FVTPL) kekal terkawal. Kerugian FVTPL ini, didorong oleh pergerakan dalam kedudukan bon, ekuiti dan pertukaran asing, masing-masing menyumbang 1.3% dan 2.2% daripada jumlah kerugian di bawah SB1 dan SB2.

Menjelang akhir tempoh tekanan pada tahun 2028, pinjaman terjejas keseluruhan diunjurkan meningkat kepada 7.7% dan 8.7% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan masing-masing di bawah SB1 dan SB2, didorong terutamanya oleh pinjaman terjejas isi rumah (Rajah 2.27). Peminjam isi rumah yang berpendapatan kurang RM5,000 sebulan mencakupi bahagian terbesar (59%) peminjam yang berisiko mungkir berikutan penampan kewangan mereka yang lebih rendah (Rajah 2.28). Walau bagaimanapun, dari segi nilai, kumpulan peminjam ini membentuk bahagian yang lebih kecil (34%) daripada pinjaman terjejas baharu, mencerminkan jumlah pinjaman yang lebih rendah yang lazimnya dipegang oleh

Rajah 2.27: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas di Bawah Senario Buruk 1 dan 2



u Unjuran

Nota: Angka-angka pinjaman terjejas termasuk dedahan daripada operasi luar negara DBG terpilih.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.26: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Pendorong Kerugian Utama di Bawah Senario Buruk 2



Nota: Risiko pasaran merujuk kepada kerugian penilaian semula daripada pemegangan bon dalam portfolio nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (*fair value through other comprehensive income*, FVOCI) dan kerugian risiko pasaran daripada nilai saksama melalui untung dan rugi (*fair value through profit and loss*, FVTPL).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.28: Ujian Tekanan Makro: Sektor Isi Rumah – Profil Pinjaman Terjejas di Bawah Senario Buruk 2



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

kumpulan pendapatan ini berbanding peminjam berpendapatan lebih tinggi. Sementara itu, kelemahan terus ketara dalam kalangan peminjam dengan nisbah perkhidmatan hutang melebihi 60%, yang mencakupi sebahagian besar pinjaman terjejas baharu. Kumpulan peminjam ini mencakupi hingga 74% daripada peminjam yang berisiko mungkir dan 84% daripada pinjaman terjejas baharu dari segi nilai. Bagi perniagaan, PKS mencakupi sebahagian besar (58%) daripada pinjaman terjejas perniagaan, dengan unjuran kemungkiran meningkat lebih mendadak di bawah SB2 berbanding dengan SB1. Kemungkiran ini selaras dengan hakisan penampan kewangan PKS yang terhad semasa kemelesetan ekonomi yang berpanjangan, lantas meningkatkan kebarangkalian kemungkiran. Sementara itu, berikutan kekukuhan kedudukan kewangan secara relatif, bukan PKS mencakupi bahagian yang lebih rendah (42%) daripada unjuran peningkatan dalam pinjaman terjejas perniagaan di bawah SB2. Kemungkiran bukan PKS terutamanya dikaitkan dengan beberapa peminjam dengan kelemahan kewangan yang sedia ada.

Keuntungan sistem perbankan agregat dijangka menurun secara mendadak pada tahun awal tekanan, didorong terutamanya oleh kos kredit yang lebih tinggi. Pendapatan faedah bersih juga akan jatuh dengan ketara berikutan kos pendanaan yang tinggi tanpa keuntungan yang sepadan dalam pendapatan faedah yang lazimnya berlaku daripada kenaikan OPR. Pada tahun-tahun berikutnya, pendapatan faedah bersih dijangka pulih secara beransur-ansur, menyokong pemulihan semula keuntungan dan pembinaan semula penampan modal. Kerugian yang ditanggung daripada operasi luar negeri, meskipun ketara untuk DBG yang besar, tidak dijangka menimbulkan risiko nyata terhadap daya tahan keseluruhan pada peringkat kumpulan. Keadaan ini mencerminkan penampan modal yang kukuh yang dikekalkan oleh entiti luar negeri masing-masing.

Secara keseluruhan, nisbah modal sistem perbankan diunjurkan kekal melebihi paras minimum pengawalseliaan di bawah kedua-dua senario (Rajah 2.29). Walau bagaimanapun, lima bank,[16] diunjurkan tidak akan mematuhi keperluan modal minimum pengawalseliaan. Bank-bank ini, yang mencakupi kurang 6% daripada jumlah aset sistem perbankan, mempunyai ciri-ciri yang sama, iaitu nisbah pinjaman terjejas yang lebih tinggi, bersama-sama dengan bahagian yang lebih besar bon FVOCI yang terdedah kepada kerugian penilaian semula (Rajah 2.30). Kekurangan modal selepas kejutan bagi bank-bank ini mencakupi kurang 1.5% daripada jumlah modal sistem perbankan. 11 bank tambahan mungkin memerlukan modal tambahan bagi mengekalkan sasaran modal dalaman mereka di bawah SB2. Walau bagaimanapun, bank-bank ini akan terus memenuhi keperluan modal minimum pengawalseliaan.

Rajah 2.29: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Nisbah Modal di Bawah Senario Buruk 1 dan 2



u Unjuran

Nota: Data nisbah modal yang ditunjukkan dalam bahagian ini mungkin berbeza daripada data yang dipetik dalam bahagian "Sektor Perbankan" disebabkan ujian tekanan makro dijalankan menggunakan data awalan bagi Disember 2025.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[16] Merujuk kumpulan perbankan atau bank tunggal jika bukan milik kumpulan perbankan yang lebih besar.

Rajah 2.30: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Ciri Umum Bank-Bank Gagal dalam Kedudukan Pratekanan (2025)



Nota: 1. Bank-bank gagal merujuk kepada bank yang akan melanggar keperluan modal pengawalseliaan minimum dalam senario ujian tekanan.
2. Nilai rajah diseragamkan menggunakan skor-z, di mana nilai yang lebih besar pada paksi tertentu menandakan risiko yang lebih tinggi mengikut ciri tersebut.
3. 'Nisbah leveraj Tier 1' merujuk kepada modal Tier 1 dibahagikan dengan jumlah aset.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Bank-bank yang menghadapi kelemahan kewangan yang berterusan[17] atau yang nisbah modalnya telah menyusut kurang daripada paras minimum pengawalseliaan juga diandaikan mengalami kejutan mudah tunai tambahan[18] dalam bentuk aliran keluar deposit. Di bawah senario ini, kebanyakan bank mengekalkan stok aset mudah tunai berkualiti tinggi (*high quality liquid assets*, HQLA) tidak terikat yang mencukupi untuk memenuhi permintaan aliran tunai yang meningkat. Hal ini mencerminkan kedudukan mudah tunai permulaan sistem perbankan yang kukuh, dengan LCR seluruh sistem pada tahap kukuh sebanyak 154.8% setakat bulan Disember 2025. Walaupun hasil LCR yang tertekan untuk beberapa bank berada sementara di bawah paras minimum pengawalseliaan,[19] hal ini mencerminkan tahap keseriusan senario tekanan dan bukannya kelemahan dalam kedudukan mudah tunai asas mereka. Selaras dengan keperluan pengawalseliaan, bank-bank boleh mengurangkan penampan mudah tunai dan membenarkan LCR mereka menurun ke bawah 100% semasa tempoh tekanan, dengan jangkaan bahawa penampan dibina semula dalam jangka masa yang munasabah. BNM terus menghendaki semua bank untuk mengekalkan penampan mudah tunai yang berhemat dalam keadaan biasa.

Secara keseluruhan, pelaksanaan ujian tekanan kesolvenan dan mudah tunai terus mengesahkan bahawa bank-bank kekal berdaya tahan dalam menghadapi kejutan makroekonomi, kewangan dan mudah tunai yang teruk. Bank-bank dijangka mengekalkan keupayaan yang mencukupi untuk menyokong pinjaman kepada ekonomi walaupun semasa tempoh kemelesetan.

Ujian tekanan kesolvenan makro untuk penanggung insurans menyertakan senario SB1 dan SB2 yang serupa, dengan andaian tambahan khusus berkaitan insurans. Andaian ini telah dikemas kini sejajar dengan perkembangan terkini termasuk langkah-langkah interim oleh penanggung insurans untuk mengehadkan semakan premium pada insurans perubatan dan kesihatan, sebahagian besarnya konsisten dengan andaian yang digunakan dalam ujian pada tahun 2025 (Jadual 2.2). Di bawah

Jadual 2.2: Ujian Tekanan Makro – Andaian Tambahan untuk Ujian Tekanan Insurans

Premium perubatan dan kesihatan insurans hayat	Pertumbuhan pendapatan premium yang lebih rendah disebabkan oleh kekangan yang dihadapi oleh penanggung insurans hayat untuk menetapkan semula premium polisi perubatan dan kesihatan yang sedia ada.
Tuntutan polisi insurans perubatan dan kesihatan	Bayaran tuntutan yang tinggi daripada polisi insurans perubatan dan kesihatan didorong oleh peningkatan kekerapan dan jumlah tuntutan, termasuk penyerahan polisi.
Premium insurans am	Pendapatan premium yang lebih rendah disebabkan oleh persaingan yang lebih sengit dalam segmen motor dan kebakaran serta pengerasan pasaran insurans semula disebabkan oleh kapasiti insurans semula global yang lebih rendah.
Tuntutan insurans am	Tuntutan dan perbelanjaan insurans am yang tinggi disebabkan oleh peningkatan kos bahagian ganti motor akibat gangguan bekalan dan peningkatan kos import, berserta peristiwa banjir yang ketara pada setiap akhir tahun.

Sumber: Bank Negara Malaysia

17 Merujuk bank-bank yang mengalami kerugian sekurang-kurangnya dua suku tahun berturut-turut atau kerugian tahunan sekurang-kurangnya dua tahun.

18 Tekanan aliran keluar yang dikenakan pada deposit setiap bank diandaikan sebanyak sekurang-kurangnya 16% berdasarkan penandaarasan pengalaman bank yang mengalami tekanan pada peringkat global baru-baru ini. Saluran pindahan tambahan dilaksanakan pada tahun ini untuk mencerminkan ketidakpastian global yang lebih besar.

19 Di bawah senario kejutan mudah tunai yang teruk, 14 bank diunjurkan mencatatkan tahap LCR di bawah 100%.

kedua-dua senario, sektor insurans mengekalkan nisbah kecukupan modal (*capital adequacy ratio,* CAR) melebihi paras minimum pengawalseliaan 130% (Rajah 2.31). Risiko pasaran kekal sebagai pendorong utama kerugian bagi penanggung insurans hayat dan am, mencerminkan kesan kadar hasil bon yang lebih tinggi dan prestasi pasaran ekuiti yang lemah terhadap pegangan aset kewangan mereka yang signifikan (Rajah 2.32). Andaian khusus berkaitan insurans yang dikemas kini menyebabkan unjuran kenaikan premium yang lebih perlahan meskipun tuntutan yang lebih tinggi, khususnya untuk portfolio perubatan sedia ada. Hasilnya, penanggung insurans hayat dijangka mengalami kerugian pengunderaitan bersih sepanjang tempoh tekanan. Oleh itu, risiko insurans muncul sebagai pendorong kerugian yang lebih ketara berbanding dengan ujian tekanan pada tahun sebelumnya (2026: 39%; 2025: 35%). Walau bagaimanapun, penilaian semula liabiliti yang menurun disebabkan oleh peningkatan kadar hasil bon dijangka sebahagiannya mengurangkan kesan terhadap CAR.

Rajah 2.31: Ujian Tekanan Makro: Sektor Insurans – CAR di Bawah Senario Buruk 1 dan 2



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.32: Ujian Tekanan Makro: Sektor Insurans – Punca Kerugian di Bawah Senario Buruk 1



Sumber: Bank Negara Malaysia

Walaupun sektor insurans secara amnya kekal berdaya tahan, hasil pada peringkat penanggung insurans individu berbeza bergantung pada strategi pelaburan dan profil perniagaan. Tiga penanggung insurans hayat yang mencakupi 16% daripada jumlah aset insurans diunjurkan tidak akan mematuhi paras minimum pengawalseliaan berikutan kejutan tersebut, dengan kekurangan modal mencakupi 7% daripada jumlah modal insurans. Daripada jumlah ini, dua penanggung insurans dijangka kekal berada di bawah paras minimum pengawalseliaan pada sepanjang tempoh tekanan. Halangan terhadap pelarasan premium meskipun tuntutan perubatan lebih tinggi telah menjejaskan kadar pemulihan penanggung insurans hayat di bawah senario tekanan. Hal ini menggariskan kepentingan pembaharuan struktur dalam mengawal inflasi kos perubatan. Langkah-langkah tersebut akan menyokong kemampanan dan kemampuan produk MHIT pada jangka panjang serta mempertingkatkan daya tahan kewangan penanggung insurans dan melindungi akses pengguna terhadap perlindungan kewangan.

Bagi penanggung insurans am, kedudukan modal dijangka kekal berdaya tahan di bawah andaian pendapatan premium yang lebih rendah dan tuntutan yang tinggi dalam segmen motor dan kebakaran. Andaian ini mencerminkan kesan buruk daripada kekerapan dan keterukan tuntutan yang meningkat, bersama-sama dengan persaingan yang semakin sengit dalam kalangan penanggung insurans yang bertujuan untuk mengekalkan atau mengembangkan bahagian pasaran mereka. Ujian tekanan juga mengambil kira potensi limpahan daripada perkembangan geopolitik yang boleh menyumbang kepada keadaan insurans semula global menjadi semakin terhad. Di bawah senario tekanan, enam penanggung insurans am, yang mencakupi kira-kira 6% daripada jumlah aset insurans, diunjurkan tidak dapat mematuhi paras minimum pengawalseliaan berikutan kejutan, dengan kekurangan modal mencakupi 4% daripada jumlah modal insurans.

Tambahan

Jadual A.1

Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama

	Pada akhir				
	ST2 2023	ST1 2024	ST2 2024	ST1 2025	ST2 2025*a*
	% (atau dinyatakan sebaliknya)				
Sistem Perbankan					
Nisbah Jumlah Modal	19.0	18.5	18.6	18.2	18.1
Nisbah Modal Kumpulan 1	15.9	15.4	15.6	15.2	15.0
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	15.4	14.9	15.1	14.7	14.4
Pulangan atas Aset (berasaskan keuntungan sebelum cukai)[1]	1.2	1.3	1.3	1.5	1.5
Pulangan atas Ekuiti (berasaskan keuntungan sebelum cukai)[1]	11.2	12.1	12.1	13.8	13.1
Pulangan atas Ekuiti (berasaskan keuntungan selepas cukai)[1]	8.7	9.2	9.3	10.8	10.2
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai	161.0	155.2	160.7	160.5	154.8
Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih[2]	1.1	1.0	0.9	0.9	0.9
Caj Modal atas Risiko Kadar Faedah dalam Akaun Dagangan kepada Modal Asas	1.0	1.2	1.3	1.2	1.3
Kedudukan Terbuka Bersih FX kepada Modal Asas	3.8	4.7	3.8	4.4	3.9
Pemegangan Ekuiti kepada Modal Asas	1.4	2.2	2.1	2.2	3.3
Sektor Insurans dan Takaful					
Nisbah Kecukupan Modal	222.2	226.8	224.3	222.6	224.5
Insurans Hayat dan Takaful Keluarga					
Lebihan Pendapatan berbanding Perbelanjaan (RM bilion)[3]	3.5	8.4	3.6	4.8	4.6
Premium / Sumbangan Perniagaan Baharu (RM bilion)	11.5	14.2	12.0	13.9	12.2
Nisbah Kecukupan Modal	211.2	219.9	215.5	213.7	214.2
Insurans Am dan Takaful Am					
Keuntungan Operasi (RM bilion)	1.8	1.7	1.9	1.9	1.9
Keuntungan Pengunderaitan (RM bilion)	0.8	0.7	0.9	0.8	0.8
Premium / Sumbangan Langsung Kasar (RM bilion)	13.3	14.6	13.9	15.4	15.0
Nisbah Tuntutan	56.7	57.7	56.4	57.9	56.9
Nisbah Kecukupan Modal	253.0	242.5	248.1	245.1	252.2
Sektor Isi Rumah (IR)					
Hutang IR (RM bilion)	1,534.7	1,573.5	1,625.2	1,666.4	1,715.6
Aset Kewangan IR (RM bilion)	3,176.8	3,300.1	3,452.3	3,478.5	3,665.0
Nisbah Hutang IR kepada KDNK	84.1	83.8	84.1	84.8	84.8
Nisbah Aset Kewangan IR kepada Jumlah Hutang IR	207.0	209.7	212.4	208.7	213.6
Nisbah Aset Kewangan Mudah Tunai IR kepada Jumlah Hutang IR	132.3	135.2	134.3	130.4	131.3
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor IR (Pinjaman Bank + IKP)[4]	1.2	1.2	1.1	1.1	1.0
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor IR (Pinjaman Bukan Bank)[5]	1.7	1.8	1.8	2.0	2.1
Sektor Perniagaan					
Pulangan atas Aset	2.5	2.6	2.8	2.5	2.4
Pulangan atas Ekuiti	4.2	4.5	4.8	4.3	4.3
Nisbah Hutang kepada Ekuiti	20.6	21.2	23.1	21.4	21.2
Nisbah Perlindungan Faedah (kali)	6.2	6.3	7.0	6.4	6.4
Margin Operasi	7.3	7.5	8.2	7.4	7.5
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor Perniagaan[4]	3.5	3.5	3.1	3.1	2.8
Institusi Kewangan Pembangunan[6]					
Pemberian Pinjaman kepada Sektor Disasarkan (% perubahan)	5.9	5.3	5.6	7.8	5.8
Deposit Digembleng (% perubahan)	-0.1	4.3	7.2	2.9	6.5
Nisbah Pinjaman Terjejas	5.6	6.0	5.6	5.6	4.5
Pulangan atas Aset	1.3	1.4	1.2	1.3	1.1

[1] Keuntungan sistem perbankan diagregat pada peringkat entiti dan diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik.
[2] Berdasarkan pinjaman Tahap 3 dan pinjaman yang diklasifikasi sebagai pembelian atau penerbitan aset kewangan terjejas kredit di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9).
[3] Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan tidak termasuk dana unit insurans berkaitan pelaburan bagi mencerminkan prestasi teras keuntungan ITO dengan lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.
[4] Berdasarkan pinjaman Tahap 3 dan pinjaman yang diklasifikasi sebagai pembelian atau penerbitan aset kewangan terjejas kredit di bawah MFRS 9. Data merujuk kepada pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[5] Berdasarkan pinjaman yang tertunggak selama 3 bulan atau lebih. Mulai separuh kedua tahun 2024, siri data telah disemak untuk mengecualikan IKP. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.
[6] Merujuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

Jadual A.2

Penunjuk Kewangan Utama: Sektor Perbankan Islam dan Takaful

	Pada akhir				
	ST2 2023	ST1 2024	ST2 2024	ST1 2025	ST2 2025*a*
Sistem Perbankan Islam	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Jumlah Aset[1]	1,398,193.1	1,440,593.4	1,516,590.2	1,570,709.6	1,616,545.4
% daripada jumlah aset seluruh sistem perbankan[1]	36.6	36.9	38.0	38.4	38.7
Jumlah Pembiayaan[1]	1,049,910.7	1,083,599.8	1,133,034.6	1,173,317.4	1,219,815.6
% daripada jumlah pinjaman /pembiayaan seluruh sistem perbankan[1]	45.6	45.9	46.6	47.2	48.0
Jumlah Deposit dan Akaun Pelaburan[1]	1,121,986.4	1,148,306.9	1,197,989.6	1,232,735.8	1,268,378.1
Jumlah Deposit[1]	968,569.3	990.501.3	1,029,031.3	1,052,311.7	1,082,658.4
Jumlah Akaun Pelaburan[1]	153,417.1	157,805.6	168,958.2	180,424.1	185,719.6
% daripada jumlah deposit dan akaun pelaburan seluruh sistem perbankan[1]	42.0	42.3	43.2	43.5	43.6
	%				
Nisbah Jumlah Modal	18.0	17.9	17.9	18.1	18.3
Nisbah Modal Kumpulan 1	14.8	14.6	14.8	14.9	15.1
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	14.0	13.9	14.0	14.1	14.3
Pulangan atas Aset	1.0	1.1	1.1	1.1	1.1
Nisbah Pembiayaan Terjejas Bersih	1.1	1.0	1.0	1.0	1.0
Sektor Takaful	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Aset Dana Takaful	55,631.9	59,749.8	59,654.0	62,536.3	65,239.6
Keluarga	48,476.1	52,274.9	51,620.1	54,237.9	56,490.1
Am	7,155.8	7,474.9	8,033.9	8,298.4	8,749.5
% daripada industri insurans dan takaful	14.0	14.2	13.9	14.3	14.4
Pendapatan Sumbangan Bersih	8,310.7	9,756.8	9,239.9	10,289.1	9,768.1
Keluarga	6,217.6	7,527.1	6,969.8	7,873.9	7,195.8
Am	2,093.1	2,229.6	2,270.1	2,415.3	2,572.2
% daripada industri insurans dan takaful	22.1	24.7	23.1	25.3	23.6
Takaful Keluarga					
Sumbangan Perniagaan Baharu	4,363.4	5,228.6	4,503.4	5,306.8	4,433.3
Takaful Am					
Sumbangan Langsung Kasar	2,764.4	2,960.4	2,940.9	3,247.4	3,387.0
Nisbah Tuntutan (%)	62.2	63.6	64.3	63.5	61.5

[1] Termasuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia